

KEPENTINGAN KAJIAN SASTERA KEPADA MASYARAKAT DAN DUNIA  
PENDIDIKAN: SATU PENELITIAN *SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW*  
(SLR)

JASMEEN NURUL IMAN BINTI JOHAN

C20A1010

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN  
2024



**KEPENTINGAN KAJIAN SASTERA KEPADA MASYARAKAT  
DAN DUNIA PENDIDIKAN: SATU PENELITIAN *SYSTEMATIC  
LITERATURE REVIEW (SLR)***

Oleh

**JASMEEN NURUL IMAN BINTI JOHAN**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

2024

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya memperakui bahawa kerja yang terdapat di dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan benar serta belum pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

 /**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) \*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) \*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Jasmeen

JASMEEN NURUL IMAN BINTI JOHAN  
Tarikh: 21/02/2024

Tandatangan Penyelia

Sa'

TS. DR. MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN  
Tarikh: 25 Februari 2024

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana berkat dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan tugas akhir ini pada waktu yang telah ditetapkan dengan jayanya. Semasa melakukan tugas akhir ini, ia telah memberikan saya banyak manfaat dari segi pengetahuan dan pelbagai pengalaman sebagai persediaan saya pada masa yang akan datang.

Saya dengan rendah dirinya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk menyelesaikan tugas ini terutamanya sekali kepada penyelia saya iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman yang telah banyak memberikan saya tunjuk ajar dari segi maklumat berkaitan dengan projek penyelidikan ini dan juga masa yang telah diluangkan kepada saya. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah banyak membantu dan membimbing saya untuk menyiapkan tugas ini.

Tidak dilupakan, saya juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dan nasihat terutamanya dari segi kewangan. Bukan itu sahaja, sokongan daripada mereka kepada saya juga amat membantu saya untuk meneruskan tugas ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana memberi kerjasama dan pertolongan secara langsung atau tidak langsung. Tanpa pertolongan mereka saya tidak mampu untuk melengkap tugas ini sepenuhnya. Saya berharap semua pihak yang terlibat diberikan rezeki yang melimpah ruah.

## ISI KANDUNGAN

PERAKUAN STATUS TESIS.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ABSTRAK.....	v
ABSTRACT .....	vi
BAB 1 .....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	2
1.3 Permasalahan Kajian .....	3
1.4 Persoalan Kajian .....	3
1.5 Objektif Kajian .....	4
1.6 Kepentingan Kajian .....	4
1.7 Batasan Kajian .....	5
1.8 Definisi Konsep .....	5
1.9 Organisasi Kajian.....	7
1.10 Kesimpulan.....	9
BAB 2 .....	10
2.1 Pengenalan.....	10
2.2 Kajian Mengenai Masyarakat .....	11
2.3 Kajian Berkaitan Sastera.....	16
2.4 Kajian Mengenai Kaedah Systematic Literature Review (SLR) .....	21
2.5 Kajian Bidang Lain.....	27
2.6 Kesimpulan.....	32

BAB 3 .....	33
3.1 Pengenalan.....	33
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	33
3.3 Kaedah Kajian .....	35
3.4 Kaedah Systematic Literature Review (SLR).....	37
3.5 Kerangka Teoritikal .....	41
3.6 Kesimpulan.....	42
BAB 4 .....	43
4.1 Pengenalan.....	43
4.2 Mengorganisasikan Kajian Lepas Berkenaan Lapangan Sastera dan Masyarakat .....	44
4.3 Kepentingan Kajian Lepas Sastera Terhadap Masyarakat dan Dunia Pendidikan .....	64
4.4 Dapatkan Kajian .....	74
4.5 Rumusan .....	76
BAB 5 .....	77
5.1 Pengenalan.....	77
5.2 Rumusan Kajian.....	77
5.3 Implikasi Kajian.....	79
5.5 Kesimpulan.....	86
Rujukan.....	87

# **Kepentingan Kajian Sastera Kepada Masyarakat dan Dunia Pendidikan: Satu Penelitian**

## ***Systematic Literature Review (SLR)***

### **ABSTRAK**

Kesusasteraan merupakan satu seni yang telah diciptakan melalui bahasa. Kesemua karya sastera yang telah dihasilkan mempunyai banyak kepentingannya kepada masyarakat. Oleh itu, kajian mengenai sastera ini sudah lagi tidak asing kepada para pengkaji di luar sana. Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji berkaitan sastera dengan masyarakat dan dunia pendidikan. Dalam pada itu, kajian ini bertujuan untuk mengorganisasikan kajian lepas berkenaan lapangan sastera dan masyarakat serta mengenal pasti kepentingan kajian lepas sastera terhadap masyarakat dan dunia pendidikan. Kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini adalah menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* model *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA)*. Model PRISMA yang digunakan adalah sebagai panduan kepada pengkaji dalam menganalisis kajian-kajian lepas yang telah dikumpulkan dengan lebih terperinci. Sebanyak 59 kajian yang telah dikumpulkan melalui dua pangkalan data iaitu Google Scholar dan Research Gate. Setelah melakukan saringan ke atas 59 kajian yang dikumpulkan, maka hasil akhir sebanyak 27 kajian sahaja yang didapati menyumbang data yang lebih banyak. Hasil dapatan daripada kajian ini memperlihatkan bahawa kajian-kajian sastera memberikan kepentingan kepada masyarakat dan dunia pendidikan iaitu dari segi pembentukan jati diri, semangat patriotik dan melahirkan lebih ramai pengkritik dan tokoh sastera. Kepentingan kepada dunia pendidikan pula adalah dapat melahirkan generasi intelektual, pembentukan kualiti peribadi seseorang dan penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat dan sumbangan kepada masyarakat dan dunia pendidikan dalam memastikan sastera ini kekal relevan. Akhir sekali, kajian ini dapat diteruskan dengan mengkaji aspek lain dengan penggunaan kaedah yang sama atau berlainan.

**Kata Kunci:** Kajian lepas sastera, *Systematic Literature Review*, kepentingan kajian lepas, masyarakat, dunia pendidikan.

# **The Importance of Literary Studies to Society and The World of Education: A Systematic Literature Review (SLR)**

## **ABSTRACT**

Literature is an art that has been created through language. All the literary works that have been produced have a lot of importance to society. Therefore, the study of this literature is no longer foreign to researchers out there. There are various studies that have been done by researchers related to literature and society also the world of education. In the meantime, this study aims to organize past studies regarding the field of literature and society and identify the importance of past studies of literature to society and the world of education. The method used when conducting this study is using the Systematic Literature Review (SLR) method of the Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA) model. The PRISMA model used is a guide to researchers in analyzing past studies that have been collected in more detail. A total of 59 studies have been collected through two databases namely Google Scholar and Research Gate. After screening the 59 studies that were collected, the results of only 27 studies were found to contribute more data. The findings from this study show that literary studies give importance to society and the world of education, namely in terms of identity formation, patriotic spirit and produce more critics and literary figures. The importance to the world of education is to be able to produce an intellectual generation, the formation of a person's personal qualities and the use of technology in learning. The researcher hopes that this study can provide benefits and contributions to society and the world of education in ensuring that this literature remains relevant. Finally, this study can be continued by examining other aspects using the same or different methods.

**Keywords:** Past literature review, Systematic Literature Review, importance of past research, society, world of education.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Sastera didefinisikan sebagai penyampaian hasil seni melalui bentuk puisi atau prosa yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Kesusasteraan pula memberi maksud khusus iaitu terdiri daripada perkataan -su yang bermaksud keindahan, baik, dan cantik. Selain itu, sastera juga merupakan seni bahasa kerana mengandungi ungkapan kata spontan pengarang. Ungkapan kata tersebut diluahkan oleh pengarang melalui perasaan dan fikiran yang telah disampaikan melalui bahasa. Tambahan pula, kesusasteraan terdapat banyak relatifnya dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, sastera ini memberikan banyak kepentingannya kepada masyarakat kerana ia juga merupakan satu medium untuk menyampaikan pesanan dan pengajaran kepada masyarakat di luar sana.

Di samping itu, terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh ramai pengkaji terhadap sastera dan masyarakat. Kajian meneliti kepentingan sastera dalam kalangan masyarakat berdasarkan kajian lepas ini adalah untuk merungkai punca dan tujuan kepentingan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji lain. Hal ini disebabkan oleh, penghasilan karya-karya sastera oleh pengkarya atau penulis tempatan mempunyai tujuan dan pesanannya tersendiri dengan menjadikan imej masyarakat sebagai paparan. Jelaslah terlihat kajian sastera ini adalah amat berkait rapat dengan masyarakat kerana ia dihasilkan oleh pandangan seseorang individu. Menurut A. Wahab Ali (1995) disebabkan individu adalah satu golongan masyarakat, maka idea yang terkandung di dalam karyanya adalah satu cerminan masyarakat. Dengan itu, kajian ini adalah berfokuskan kepada kajian lepas mengenai masyarakat dan dunia pendidikan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah menganalisis terhadap kepentingan kajian sastera ini kepada masyarakat dan dunia pendidikan melalui kaedah yang akan digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah *Systematic Literature Review*. Melalui hasil sorotan kajian-kajian lepas, tajuk kajian ini kurang dilakukan oleh mana-mana pengkaji lain lagi. Namun begitu, kajian terhadap sastera ini telah banyak dilakukan oleh pengkaji lain dengan lebih meluas. Kesemua kajian tersebut dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Hal ini disebabkan oleh, sastera dan masyarakat mempunyai perkaitan yang erat antara satu sama lain.

Melihat kepada kajian Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj. Wahid pada tahun 2018 kesusasteraan mempunyai ilmu yang amat luas untuk membuat sesuatu penelitian Tambahan pula, kesusasteraan ini dapat dijadikan media dalam mendidik masyarakat melalui pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Oleh itu, sastera atau kesusasteraan adalah amat penting dalam membentuk keperibadian masyarakat. Hal ini demikian kerana, sifat kesusasteraan yang sopan dan indah itu dapat berfungsi sebagai pendorong kepada perubahan sosial dalam masyarakat. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa sastera dan masyarakat mempunyai pertalian yang erat antara satu sama lain dan amat memberikan kepentingan dalam membentuk perwatakan masyarakat.

Kajian ini bermula dengan mengorganisasi kesemua kajian-kajian lepas sastera dengan menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR). Selepas pengumpulan dan organisasi kajian-kajian lepas sastera dilakukan, kajian tersebut akan melihat pula kepada kepentingan kajian-kajian tersebut kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik lain dapat dijadikan satu sumber bagi melengkapkan penyelidikan ini. Hal ini disebabkan oleh, terdapat banyak kajian-kajian sastera memberikan kebaikan dan kesedaran kepada masyarakat terutamanya dari segi pembentukan akhlak dan keperibadian.

Dengan itu, kajian ini dapat melihat perkaitan dan hubungan sastera dan masyarakat serta masyarakat dengan lebih teliti.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Sastera adalah satu seni bahasa yang amat berkait rapat dalam golongan masyarakat. Ia juga dijadikan sebagai satu medium dalam penyampaian pesanan dan pengajaran. Sejak dahulu sehingga sekarang, sastera ini telah digunakan dan diturunkan secara turun-temurun kepada generasi baru. Oleh itu, pengkaji mendapati kurangnya pangkalan data atau *database* yang mengumpulkan kajian-kajian sastera yang lepas. Oleh hal yang demikian, jumlah data yang berkualiti begitu banyak untuk disemak dan memerlukan ruang yang lebih besar untuk menempatkan kesemua dokumen kajian (Muhammad Syazany Bin Shuhaimi & Prof. Maya Dr. Dalbir Singh A/L Valbir Singh, 2019). Jadi, kajian ini berperanan untuk mengumpulkan kajian-kajian lepas bagi memudahkan kajian-kajian lain yang dibuat pada masa yang akan datang.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat beberapa persoalan yang menjadi tanda tanya kepada pengkaji, iaitu:

- 1.4.1 Adakah terdapat kajian lepas berkenaan lapangan sastera dan masyarakat disusun secara sistematis?
- 1.4.2 Adakah kajian sastera memberikan kepentingan kepada masyarakat dan dunia pendidikan?

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap beberapa perkara berikut:

1.5.1 Mengorganisasikan kajian lepas berkenaan lapangan sastera dan masyarakat menggunakan teknik *Systematic Literature Review* (SLR).

1.5.2 Mengenal pasti kepentingan kajian lepas terhadap masyarakat dan dunia pendidikan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini berkepentingan untuk memudahkan bakal pengkaji seterusnya yang ingin mengetahui lebih mengenai kepentingan sastera kepada masyarakat dan dunia pendidikan berdasarkan kajian-kajian lepas. Tambahan pula, ia juga dapat dijadikan panduan kepada bakal pengkaji yang ingin membuat tajuk kajian penyelidikan yang sama. Melalui hasil dapatan kajian yang telah dilakukan dapat memberikan satu penambahan ilmu kepada masyarakat di luar sana bahawa kajian sastera ini adalah penting dalam kalangan masyarakat dan juga kepada dunia pendidikan. Oleh yang demikian, sastera dapat diperkenalkan kepada masyarakat dan generasi baru serta mengetahui bahawa sastera adalah satu seni yang amat penting dalam setiap aspek antaranya seperti pendidikan, undang-undang dan sebagainya. Tambahan pula, kajian ini juga boleh memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai tujuan kepentingan kajian-kajian lepas sastera dalam masyarakat dan dunia. Dengan ini serba sedikit dapat membantu bakal pengkaji mengenai kajian-kajian sastera.

Oleh itu, keberkesanan kajian yang telah dilakukan dapat memberikan pengaruh yang lebih kuat terhadap pembelajaran dan pengajaran pada masa depan. Akhir sekali, hasil dapatan kajian ini juga dapat ditambah baik oleh bakal pengkaji mengenai tajuk kajian ini.

## **1.7 Batasan Kajian**

Bagi melaksanakan kajian ini, beberapa batasan kajian telah ditetapkan agar tidak terpesong daripada sasaran kajian. Kajian ini hanya memberi tumpuan utama kepada melihat kepentingan sastera kepada kajian-kajian lepas yang terpilih antara tahun 2015-2023. Sebanyak 59 artikel sahaja akan dipilih untuk dijadikan sumber dan data kepada analisis kajian ini. Ia adalah kerana kajian ini adalah dibuat di dalam lingkungan empat belas (14) minggu sahaja. Dengan itu, kajian ini tidak dapat dikaji secara keseluruhan kajian. Tambahan pula, pengkaji hanya menggunakan dua pangkalan data sahaja iaitu Google Scholar dan Research Gate. Hal ini adalah kerana, pangkalan data yang digunakan adalah tidak mengehadkan limitasi berbanding pangkalan data yang lain seperti Elsevier dan sebagainya. Selain itu, kaedah kualitatif kajian ini memfokuskan beberapa kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji sahaja. Dengan membuat penelitian terhadap kajian yang telah dibuat adalah untuk mengetahui dengan lanjut dan mendalam mengenai kepentingan dan tujuan kajian tersebut dilakukan terutamanya kajian kepada masyarakat. Melalui kajian yang dibuat dapat menjawab persoalan dan objektif kajian tersebut.

## **1.8 Definisi Konsep**

### **1.8.1 Sastera**

Sastera membawa makna bahasa yang yang telah digunakan dalam setiap penulisan atau kitabkitab. Selain itu, sastera juga merupakan kesusasteraan yang menghasilkan hasil seni di dalam penulisan sama ada di dalam bentuk prosa atau puisi yang memberikan beberapa ciri-ciri yang istimewa (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Sastera ini telah lama berkembang dalam kalangan rakyat dan disebarluaskan secara turun temurun.

### **1.8.2 Masyarakat**

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2005), masyarakat merupakan kumpulan atau kelompok manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat disebabkan oleh beberapa faktor seperti aturan atau cara yang tertentu. Masyarakat kebiasaannya hidup di dalam satu kelompok majmuk. Masyarakat majmuk adalah terdiri daripada beberapa kumpulan etnik atau suku bangsa. Akhir sekali, masyarakat juga akan menjalankan aktiviti sosial antara satu sama lain dalam kehidupan sehari-harian mereka.

### **1.8.3 Pendidikan**

Kerajaan Malaysia amat mementingkan sistem pendidikan di dalam negara. Pendidikan merupakan perkara asas yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu. Bukan itu sahaja, Samruhaizad Samian @ Samion dan Azahan Awang pada tahun 2017 juga mengatakan pendidikan merupakan penanda aras dalam menentukan kualiti hidup seseorang. Melalui pencapaian pendidikan dapat memperlihatkan seseorang itu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi di dalam bidang yang diceburinya.

## **1.9 Organisasi Kajian**

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, kajian ini akan terbahagi kepada lima bab. Tujuan kajian ini terbahagi kepada lima bab adalah supaya penyelidikan ini dapat dijalankan secara tersusun dan rapi.

### **Bab Satu**

Bab satu merupakan satu pendahuluan terhadap penyelidikan yang ingin dikaji. Ianya mempunyai beberapa bahagian iaitu terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian dan definisi istilah serta konsep.

### **Bab Dua**

Menerusi bab ini akan menjelaskan kajian literatur iaitu tinjauan sorotan kajian lepas melalui pelbagai sumber yang betul dan jelas. Antara contohnya seperti hasil-hasil kajian sastera oleh beberapa pengkaji lepas.

### **Bab Tiga**

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan metodologi kajian. Metodologi kajian adalah cara yang akan digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Teknik yang akan digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan seperti hasil kajian oleh beberapa pengkaji di internet. Selain itu, kaedah yang akan digunakan juga adalah kaedah *Systematic Literature Review* bagi melengkapkan kajian ini dengan lebih jelas.

## **Bab Empat**

Kandungan yang terdapat di dalam bab empat ini adalah terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian. Perkara yang akan dibincangkan di bab ini adalah berkenaan dengan mengorganisasi kajian-kajian lepas lapangan sastera dalam masyarakat dan dunia pendidikan dari tahun 2015 sehingga 2023. Setelah pengorganisasian terhadap kajian-kajian sastera dijalankan, pengkaji akan melihat pula kepada kepentingan kajian-kajian tersebut kepada masyarakat dan dunia pendidikan.

## **Bab Lima**

Bab lima atau bab terakhir di dalam penyelidikan ini pula mengandungi rumusan dapatan kajian dan perbincangan yang telah dilakukan dalam menjawab objektif dan persoalan kajian. Terdapat implikasi dan beberapa cadangan yang baik daripada pengkaji terhadap para pengkaji lain pada masa akan datang.

## **1.10 Kesimpulan**

Keseluruhan kajian ini dapat memberikan penyelidik lain untuk menjadikan bahan dan sumber rujukan dalam kajian lepas. Melalui kaedah yang digunakan dapat memberikan banyak hasil dan dapatan bagi melengkapkan objektif dan menjawab persoalan dalam kajian ini. Tambahan pula, melalui kaedah digunakan dapat dijadikan landasan terhadap kajian ini supaya tidak terpesong daripada tajuk dan objektif kajian. Oleh itu, kajian ini adalah lebih memberi tumpuan kepada kajian-kajian yang terdahulu bagi menjawab keseluruhan objektif dan menjawab persoalan kajian. Dengan itu, kajian ini adalah penting kerana dapat mengetahui kepentingan-kepentingan kajian sastera ini kepada masyarakat dan para penyelidik dalam mengekalkan seni sastera ini terhadap masyarakat. Hal ini adalah kerana, sastera adalah satu seni yang bersifat kolektif dan hak milik masyarakat. Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini akan lebih berkembang dan terus dikaji dengan lebih teliti agar masyarakat dapat mengetahui bahawa sastera ini adalah sesuatu yang tidak begitu mudah dan indah hasilnya.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Tujuan kajian literatur dalam penyelidikan ini untuk memberikan penjelasan kepada kajian yang akan dijalankan melalui maklumat dan pengetahuan yang lebih jelas mengenai hubungan antara isu yang hendak dikaji. Kajian literatur adalah satu ulasan data daripada jurnal, buku, kajian-kajian yang lepas dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidikan baru. Menurut Neuman (2011) kajian literatur memerlukan beberapa proses seperti mengenal pasti hasil dan objektif penyelidikan, teori yang digunakan, dapatan kajian dan lain-lain lagi yang telah dibuat oleh pengkaji lain. Selain itu, proses yang sistematik seperti pembacaan yang baik serta pemerhatian yang teliti terhadap maklumat yang diperlukan sebagai keperluan kepada kajian yang akan dibuat. Kajian-kajian yang lepas adalah kajian berkaitan dengan kepentingan kepada masyarakat, pengkaji yang membuat kajian-kajian yang terdahulu, dan sastera dalam budaya atau filem. Kajian yang akan dijadikan sebagai kajian literatur adalah hasil daripada dalam negara atau luar negara supaya kajian literatur ini diselidik dengan lebih meluas. Hasil daripada pengumpulan kajian lepas tersebut telah mendapati bahawa banyak kajian yang telah dilakukan terhadap sastera dan juga ada beberapa kajian lepas mempunyai matlamat yang lebih kurang sama dengan kajian ini.

## **2.2 Kajian Mengenai Masyarakat**

Kajian oleh Chew Fong Peng pada tahun 2008 yang bertajuk Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan adalah bermatlamat untuk mengenal pasti pengajaran perpaduan nasional melalui kesusasteraan Melayu dapat menyatupadukan semula hubungan etnik dalam negara. Hal ini adalah kerana, rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah memberikan bukti dan petanda bahawa kesatuan antara hubungan etnik di dalam negara kita masih lagi longgar. Oleh disebabkan itu, kajian ini dibuat bagi melihat persepsi masyarakat terhadap sastera perpaduan daripada pelbagai sudut, seperti peringkat institusi, jantina, latar belakang, dan sosioekonomi. Selain itu, kajian ini juga telah memberikan beberapa cadangan untuk menambah baik pengajaran perpaduan melalui kesusasteraan Melayu. Kaedah yang digunakan dalam kajian untuk menjawab objektif kajian mereka adalah menggunakan Teori Latar Belakang Sosial iaitu melibatkan soal selidik seramai 1600 orang pelajar tingkatan 4 dan 5, pelajar universiti dan guru siswazah dalam pengajian Melayu. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan sebanyak 66.48% responden telah menyokong cadangan pembelajaran sastera perpaduan di institusi pendidikan. Terdapat beberapa perbezaan antara kajian lepas dengan kajian yang akan dilakukan adalah berdasarkan kaedah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan penggunaan teori manakala kajian yang akan dibuat adalah menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* dan tidak menggunakan teori sebagai panduan.

Seterusnya adalah kajian dilakukan oleh Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj. Wahid pada tahun 2018 pula bertemakan Pendidikan Sastera Melayu Memperkuuhkan Pembinaan Karakter Pelajar. Kajian ini adalah berobjektif untuk melihat kemampuan Pendidikan Sastera Melayu dari segi aspek komsas sekolah dalam membina karakter pelajar. Kaedah yang digunakan untuk menjawab objektif kajian adalah dengan menggunakan kajian kualitatif seperti kajian kepustakaan

dan juga teori yang akan digunakan adalah Teori Sosiologi Sastera. Kajian ini telah mendapati bahawa pembacaan bacaan sastera yang mereka pelajari dalam Pendidikan Sastera Melayu iaitu Komsas telah mempengaruhi pembangunan karakter yang lebih cenderung kepada sikap sopan santun dan beretika. Antara perbezaan yang boleh di nilai dalam kajian tersebut adalah tujuan kajian. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut pengaruh bacaan sastera untuk membentuk karakter pelajar dan menunjukkan kepentingan hasil karya sastera yang berkualiti telah memberikan pelajar didikan untuk mengutamakan nilai-nilai murni dalam komuniti masyarakat.

Kemudian, kajian oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir pada tahun 2006 yang bertajuk Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera Dalam Sastera Melayu Moden yang berobjektif untuk menganalisis teks dan konteks secara dinamik dan melihat bagaimana konteks tersebut boleh mempengaruhi karya yang dihasilkan melalui isi dan bentuk. Kaedah kajian yang digunakan adalah secara intrinsik di mana kaedah ini akan mengumpul teks atau kes sebagai maklumat dengan lebih terperinci. Hasil daripada kajian dapat dilihat bahawa sosiologi sastera memperlihatkan bahawa fahaman dan penerapan yang pelbagai serta dapat menyerlahkan gambaran masyarakat dalam karya kreatif. Oleh itu, terdapat perbezaan antara kedua-dua kajian adalah dari segi aspek objektif kajian. Kajian ini lebih menumpukan kepada fahaman dan penerapan masyarakat terhadap sastera Melayu moden berbanding kajian yang akan dibuat adalah untuk melihat kepentingan kajian sastera yang terdahulu yang boleh memberikan kepentingan kepada masyarakat.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Noor Hazwany Binti Haji Arifin pada tahun 2015 adalah bertemakan Persepsi Masyarakat Terhadap Sastera Siber. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang boleh mempengaruhi persepsi masyarakat

kepada sastera siber melalui beberapa aspek seperti pola penggunaan, kandungan, punca dan kualiti maklumat. Kaedah yang akan digunakan untuk menjawab objektif mereka adalah kaedah kualitatif di mana maklumat yang akan diperolehi adalah menerusi kajian lapangan seperti pemerhatian dan soal selidik oleh responden yang terlibat iaitu pengguna laman web E-Sastera seramai 100 orang melingungi semua pelapis masyarakat. Tambahan pula, data kajian tersebut akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS)*. Hasil daripada kajian ini adalah respon yang diberikan oleh responden adalah positif sekaligus menunjukkan bahawa sastera siber boleh memberikan estetika dan nilai kualiti. Akhir sekali, perbezaan kajian ini boleh dilihat melalui kaedah yang digunakan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang memerlukan kajian lapangan seperti soal selidik dan pemerhatian manakala kajian yang akan dibuat adalah hanya menggunakan kaedah yang berbentuk *Systematic Literature Review*.

Tambahan pula, kajian oleh Muhamad Aniq Bin Azlan dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar pada tahun 2019 adalah bertajuk Persepsi dan Motivasi Khalayak untuk Membaca Karya Sastera dalam Akhbar Bercetak. Kajian ini adalah untuk memahami pandangan dan motivasi masyarakat bagi bacaan karya sastera yang bercetak. Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemu bual seramai 14 orang informan. Melalui kaedah yang digunakan, hasil daripada kajian ini dapat mengetahui bahawa punca karya sastera yang dicetak semakin berkurangan telah diketepikan oleh masyarakat serta khalayak masyarakat mempunyai motivasi yang tinggi bagi membaca karya sastera yang dicetak. Perbezaan kajian ini dapat dilihat melalui tujuan kajian iaitu kajian ini lebih memfokuskan persepsi masyarakat serta motivasi masyarakat terhadap media cetak manakala kajian yang akan dibuat adalah lebih fokus kepada kepentingan kajian lepas kepada masyarakat.

Kajian seterusnya adalah ditulis oleh Monica Liaw Kah Pei pada tahun 2017 yang bertajuk Gambaran Budaya Masyarakat Cina dalam Sajak: Satu Analisis Teori Relevans. Kajian ini adalah untuk menganalisis gambaran budaya melalui sajak Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kajian empirikal iaitu secara kualitatif dengan mengumpulkan teks sajak sebanyak 25 sajak karya Lim Swee Tin serta disokong dengan menggunakan kaedah kajian kuantitatif dengan menjalankan kajian kepustakaan dan menemu bual penulis sajak tersebut. Tambahan pula, teori yang akan dijadikan panduan dalam kajian ini adalah Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson. Hasil kajian ini dapat dilihat melalui data-data yang telah didapati dengan mengaplikasikan teori yang digunakan dapat memberi makna dan maklumat disebalik baris. Tambahan pula, hasil analisis makna yang tersirat tersebut menunjukkan nilai hubungan dan budaya yang terdapat di dalam masyarakat Cina. Perbezaan yang ketara dapat dilihat dalam antara kedua-dua kajian ini adalah objektif kajian. Kajian ini adalah untuk meneliti budaya masyarakat Cina di dalam beberapa sajak oleh Lim Swee Tin yang terpilih.

Kemudian, kajian oleh Rohayati Junaidi et.al pada tahun 2021 adalah bertemakan NilaiNilai Masyarakat Melayu dalam Novel Seorang Tua di Kaki Gunung. Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis novel karya Azizi Haji Abdullah yang bertajuk *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982) menerusi Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menganalisis kandungan teks novel dengan menggunakan teori tersebut. Hasil kajian dapat menunjukkan nilai kemelayuan, budaya masyarakat, unsur alam, agama dan kearifan tempatan berperanan sebagai penyebaran elemen budaya dan kepercayaan bangsa Melayu yang unik. Antara perbezaan kedua-dua kajian ini adalah menerusi fokus kajian yang ingin mengetahui nilai masyarakat Melayu dengan karya sastera

berbanding kajian yang akan dibuat adalah mengkaji kepentingan sastera menerusi kajian-kajian yang sastera.

Kajian oleh Madiawati Mustaffa et.al pada tahun 2020 yang bertajuk Hubungan Rakyat dan Pemerintahan dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan. Kajian ini mengandungi dua objektif iaitu mengenal pasti hubungan antara rakyat dan juga pemimpin melalui kisah cerita lisan Pahang dan menganalisis kesan daripada hubungan rakyat dan pemimpin dalam tradisi lisan berlandaskan Teori Kepimpinan Oleh Northouse (2013). Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kuantitatif dengan meneliti cerita rakyat Pahang untuk melihat konteks kepimpinan. Hasil kajian ini dapat menjelaskan pengaruh kepimpinan tradisional boleh memberi tindak balas dalam hubungan antara rakyat dengan pemimpin, seperti saling bergantung dalam membentuk sistem sosial. Kajian ini mengandungi perbezaan yang jelas iaitu berdasarkan kaedah yang digunakan untuk menjawab objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang memerlukan soal selidik dan kajian lapangan serta penggunaan Teori Kepimpinan. Manakala kajian yang bakal dijalankan adalah hanya menggunakan kaedah kepustakaan yang memerlukan pengumpulan kajian-kajian sastera yang terdahulu.

Kajian seterusnya pula oleh Minah Sintian et.al pada tahun 2016 adalah bertajuk Kecelaruan Emosi Watak Ibu Bapa Dalam Cerita Rakyat Kadazandusun. Kajian ini berobjektif untuk menganalisis watak ibu bapa dalam cerita rakyat yang terpilih menerusi Teori Hierarki Keperluan A. Maslow. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Dapatkan kajian ini dapat dilihat bahawa beberapa watak ibu bapa yang terdapat dalam cerita rakyat mengandungi kecelaruan emosi. Perbezaan yang dapat dilihat dalam kajian ini dengan kajian yang

akan dibuat adalah menerusi objektif kajian di mana kajian ini adalah untuk melihat perwatakan ibu bapa menerusi karya lisan sastera seperti cerita rakyat Kadazandusun.

Akhir sekali, kajian oleh Norazimah Binti Zakaria pada tahun 2014 bertemakan Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir. Kajian ini bermatlamat untuk membincangkan peranan pencerita dagang pada bahagian kepenggarangan Melayu tradisi menerusi model Koster dan juga mengupas teks sejarah yang mengandungi dunia politik. Dapatan daripada kajian ini adalah sastera sejarah yang ditulis oleh pengarang tradisi sememangnya boleh membentuk masyarakat yang berfikir kerana kandungan yang terdapat di dalam sastera sejarah penuh dengan nilai pengajaran. Dengan itu, dapat dilihat perbezaan antara kedua-dua kajian ini adalah menerusi aspek objektif kajian. Di mana kajian ini adalah untuk melihat fungsi atau peranan pengarang tradisi yang boleh membentuk masyarakat supaya boleh berfikir secara kritis dengan mengupas teks sejarah sastera.

### **2.3 Kajian Berkaitan Sastera**

Kajian oleh Mohamad Rozi Bin Kasim pada tahun 2020 adalah bertajuk Kepentingan Variasi Fonologi Kata Pinjam Bahasa Melayu yang Dituturkan Oleh Orang Asli Jakun Kepada Kajian Linguistik Melayu: Analisis Fonologi Atur Rumus. Kajian ini berobjektif untuk menghuraikan variasi di dalam Bahasa Melayu yang telah digunakan oleh orang asli Jakun dari segi aspek fonologi dan juga menjelaskan kepentingan wujudnya variasi bahasa Melayu kepada linguistik Melayu. Kaedah yang digunakan dalam menjawab objektif kajian adalah kaedah kualitatif deskriptif bagi menhuraikan data yang telah dikumpulkan. Dapatan daripada kajian ini adalah orang asli Jakun telah banyak meminjam perkataan Bahasa Melayu, namun dari segi fonologi terdapat beberapa perbezaan. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian yang bakal dilaksanakan

adalah dari segi tujuan kajian di mana kajian ini menilai kepentingan variasi Bahasa Melayu kepada Linguistik Bahasa berbanding kepada pengkaji yang menilai kepentingan kajian tersebut kepada masyarakat.

Seterusnya kajian oleh Zulkarnain Mohamed pada tahun 2011 adalah bertajuk Pendekatan Ta'amul-taklif dalam Kajian Sastera. Kajian ini bermatlamat untuk menganalisis kepentingan pendekatan Ta'amul-taklif dalam tassawur Islam dengan menilai komponen kesedaran dan peranan penulis. Kaedah yang digunakan adalah pendekatan analisis dan penafsiran semula.

Dapatan kajian menunjukkan pendekatan Ta'amul-taklif mampu memurnikan tasawur Islam dan dapat membezakan karya Islam dan Barat. Dengan itu, terdapat perbezaan ketara antara kedua-dua kajian ini menerusi kaedah kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan analisis dan menafsir semula teks yang dikaji bagi menilai pendekatan Ta'amul-taklif dalam kajian sastera yang mempraktikkan pendekatan tersebut dalam penulisan sastera.

Kajian yang seterusnya oleh Mukhlis Abu Bakar et.al pada tahun 2011 pula adalah bertajuk Menekuni Pengkajian Bahasa, Sastera dan Budaya demi Pelestarian Pengajaran Melayu. Matlamat kajian adalah untuk mengkaji perkembangan minat dan tumpuan para sarjana yang membuat kajian mengenai bahasa, sastera dan juga budaya. Kaedah yang digunakan dalam menjawab persoalan kajian adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan deksriptif. Dapatan daripada kajian menunjukkan para sarjana mampu menggunakan teori-teori tempatan dengan mengaplikasikan teori barat serta menyesuaikan kajian tersebut dengan kajian mereka. Pada awalnya minat para penyelidik atau sarjana lebih cenderung kepada budaya Melayu malah lebih meluas kepada kegiatan budaya yang lain seperti tarian tradisional, permainan tradisional dan sebagainya. Kajian ini mengandungi perbezaan dengan kajian yang bakal

dilaksanakan adalah melalui tujuan kajian. Di mana kajian ini adalah untuk melihat trend minat para penyelidik dalam membuat kajian mereka mengenai sastera, bahasa dan budaya dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan deskriptif.

Selain itu, kajian oleh Nudra Shafini Halis Azhan et.al pada tahun 2021 adalah bertajuk Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan. Kajian ini berobjektif untuk kenal pasti idea-idea mengenai Persuratan Baru dan mengorganisasikan kajian-kajian ilmiah yang telah dikaji menerusi fokus utama bahasa. Akhir sekali adalah untuk membuat rumusan kepada pencapaian Persuratan Baru sebagai gagasan pemikiran sastera melalui sambutan kesarjanaan yang telah diberikan oleh para sarjana dan juga pengkaji. Kaedah yang digunakan adalah pendekatan analisis teks terhadap sembilan buah kajian mengenai Persuratan Baru. Dapatan daripada kajian menunjukkan Persuratan Baru menerima sambutan kesarjanaan dengan meliputi pengenalan, perbincangan, tradisi, perbahasan dan perbandingan tradisi sastera lain. Dapat dilihat perbezaan antara kedua-dua kajian adalah melalui objektif kajian di mana kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis isi kandungan Persuratan Baru melalui idea dan rumusan.

Kemudian adalah kajian oleh Nur Anis Fadzil dan Anis Syahirah Abdul Sukur pada tahun 2020 adalah bertemakan Strategi Penterjemahan Kata Tabu Dalam Novel The Catcher in The Rye. Kajian ini mengandungi dua objektif iaitu meneliti kata tabu yang terkandung di dalam novel The Catcher in The Rye oleh J. D. Salinger pada 1951 dan juga meneliti cabaran yang dihadapi untuk menterjemahkan kata tabu tersebut. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan strategi terjemahan Baker (2011) bagi menganalisis data. Hasil daripada kajian telah menunjukkan kata tabu yang digunakan dalam bahasa Inggeris telah di kategorikan sebagai kata yang kesat, kata

cabul dan lucah. Oleh itu, perbezaan ketara antara kajian ini dengan kajian yang bakal dilaksanakan adalah dapat dilihat menerusi tujuan kajian dan kaedah kajian. Kajian ini bertujuan ingin menganalisis teks novel untuk mengetahui jenis kata yang digunakan dalam novel Inggeris dengan menggunakan kaedah analisis data.

Tambahan pula, kajian oleh Nirhoshan Vharmhan Nair pada tahun tahun 2023 adalah bertajuk Adat Istiadat Kesultanan Melayu Kelantan Dalam Teks Syair Kesultanan Melayu Kelantan: Satu Penelitian Dokumentasi. Objektif kajian adalah untuk mengkaji maksud tersirat di dalam beberapa buah syair adat istiadat Melayu seperti istiadat melenggang perut, istiadat pecah mulut, istiadat pijak tanah, istiadat bersalin dan istiadat menanam tembuni. Selain itu, kajian ini juga untuk mengetahui kepentingan amalan adat istiadat yang telah diwarisi sejak turun temurun. Kaedah yang digunakan adalah dengan penggunaan teori seperti Teori Sastera Budaya. Kajian ini mendapati bahawa teks syair yang dipilih tersebut mengandungi unsur-unsur budaya yang tersendiri. Perbezaan kajian dapat dilihat apabila tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kandungan syair-syair yang mengandungi unsur budaya masyarakat Melayu.

Kajian oleh Nik Norimah Tuan Mat et.al pada tahun 2023 adalah bertajuk Penelitian Literatur Terhadap Penerapan Teori Relevans Untuk Menangani Makna Figuratif dalam Karya Sastera Terjemahan Arab-Melayu dan Karya Sastera Melayu. Kajian ini adalah untuk menghuraikan bahan-bahan yang mempunyai perkaitan dengan penerapan teori relevans dalam penterjemahan Arab-Melayu dan karya sastera Melayu. Kaedah kajian adalah dengan mengumpulkan kajian lepas dalam lingkungan tahun 2002 sehingga tahun 2022 menerusi *Google Scholar* dan *Semantic Scholar*. Seterusnya, data tersebut akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil daripada kajian dapat dilihat bahawa teori relevans adalah sesuai

diterapkan dalam menangani makna figuratif dalam karya sastera. Kajian ini menunjukkan perbezaan dari segi tujuan kajian di mana kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji penerapan teori relevans di dalam karya sastera bagi menangani makna figurative dengan menggunakan kaedah pengumpulan kajian lepas.

Kemudian, kajian oleh Mohamad Zuber Ismail et.al pada tahun 2015 adalah bertajuk Keintelektual Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis Prinsip Kepimpinan menerusi Dimensi Pendidikan. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan pendekatan iaitu Pendekatan Pengurusan yang merupakan pendekatan baru dalam dunia sastera. Kajian mendapati tradisi ilmu yang telah dipaparkan sememangnya dapat menonjolkan kekreatifan minda dan daya intelektual yang menjadi teras kepada pembentukan masyarakat. Oleh itu bezanya kedua-dua kajian ini adalah fokus kajian ini yang ingin membuat penelitian terhadap cerita penglipur lara dengan menggunakan Prinsip Kepimpinan.

Kajian oleh Nurain Khoo Kian Hua & Sim Chee Cheang pada tahun 2019 adalah bertajuk Satu Penelitian Struktural Terhadap Sastera Indie Terpilih. Kajian ini adalah untuk meneliti gaya penulisan novel Nasi Goreng (2015) oleh Marco Ferrarese, Perempuan Politikus Melayu (2016) oleh Faisal Tehrani dan Budiman (2017) oleh Regina Ibrahim. Kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian adalah kajian deskriptif di mana kajian ini dijalankan dengan membuat analisis terhadap teks. Kajian mendapati gaya penulisan yang terdapat di dalam novel Indie adalah lebih bersifatkan memberontak, agresif dan luar daripada etika penulisan dan penerbitan. Perbezaan antara kedua-dua kajian dapat dilihat melalui tujuan kajian. Kajian ini ingin membuat penelitian terhadap teks novel yang dipilih untuk mengetahui gaya penulisan novel Indie yang telah dipilih.

Akhir sekali adalah kajian daripada Mohd Kasri Saidon pada tahun 2019 adalah bertemakan Penelitian Potensi Kajian Lanjut Sejarah Tentang Gerakan Awal Tentera Jepun ke Kedah (Tanah Melayu) Dan Sumatera, Indonesia Dari Novel *Aku Tidak Minta* Karya Abdullah Hussain. Kajian ini berobjektif untuk mengkaji Perang Dunia Kedua yang berlaku di Tanah Melayu terutamanya di Kedah menerusi novel *Aku Tidak Minta* karya Abdullah Hussain. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan penelitian fakta dengan rujukan silang untuk mendapatkan kesahan sumber. Hasil daripada kajian dapat dilihat novel karya Abdullah Hussain mengandungi elemen pengamatan dan perincian terhadap sejarah yang telah berlaku. Segala kronologi dan peristiwa yang ditulis oleh Abdullah Hussain disokong dengan peristiwa yang berlaku. Perbezaan boleh dilihat antara kedua-dua kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian. Kajian ini berobjektif untuk membuat penelitian terhadap novel *Aku Tidak Minta* untuk mengetahui sejarah mengenai Perang Dunia Kedua di negeri Kedah terutamanya.

#### **2.4 Kajian Mengenai Kaedah Systematic Literature Review (SLR)**

Kajian oleh Wardyawaty Rajikal dan Mohd Isa Hamzah pada tahun 2020 adalah bertajuk Kajian Sistematik Pengajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Kajian ini bermatlamat bagi mengkaji secara sistematik artikel yang telah diterbitkan mengenai penglibatan pelaksanaan pengajaran PAK21 pada sepuluh tahun yang lepas iaitu antara 2010 sehingga 2020. Kaedah digunakan adalah dengan saringan 14 artikel yang akan dipilih mengikut kriteria melalui tiga sumber pangkalan data utama iaitu *Google Scholar*, *Research Gate* dan *Academia*. Selain itu, kaedah kualitatif juga akan digunakan untuk meneliti kandungan dengan lebih jelas dan saringan data tersebut akan mengikut panduan PRISMA. Dapatan kajian mendapat tema amalan merupakan tema banyak mendapat perhatian para pengkaji iaitu sebanyak 7 artikel. Kajian ini memberi perbezaan kepada pengkaji walaupun kaedah yang digunakan adalah sama

namun tujuan kajian memberikan perbezaan yang jelas kerana kajian ini adalah untuk melihat jenis tema yang sering dijadikan tajuk penyelidikan pengkaji lain.

Seterusnya adalah kajian oleh Muhaymin Hakim Abdullah et.al pada tahun 2022 adalah bertajuk Elemen Pengukuhan Etika Digital Berdasarkan Analisis Tinjauan Literatur Sistematik. Kajian ini berobjektif untuk mengenal pasti elemen yang terdapat di dalam etika digital secara global menerusi tinjauan kajian yang lepas sebagai panduan rujukan bagi mengukuhkan etika digital secara dasar. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis literatur sistematik PRISMA dengan menyatukan semua penemuan kajian lepas melalui tapisan untuk dianalisis dengan secara teliti. Dapatan kajian mendapati antara faktor pengukuhan etika digital adalah professional, positif, kesedaran, peribadi, komunikasi dan pendidikan. Perbezaan di dalam kajian ini dengan pengkaji adalah menerusi tujuan kajian. Kajian ini menggunakan kajian lepas untuk melihat faktor pengukuhan etika digital berbanding pengkaji melihat kajian lepas mengenai sastera untuk melihat kepentingannya kepada masyarakat.

Tambahan pula, kajian oleh Muhaymin Hakim Abdullah et.al pada tahun 2022 juga bertajuk Analisis Tinjauan Literatur Sistematik: Elemen Humanisme dalam Sistem Pendidikan. Kajian ini berobjektif mengenal pasti elemen humanism terkini di dalam pendidikan supaya boleh diterapkan dalam oleh tenaga pengajar. Kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini adalah kaedah PICo dan PRISMA digunakan untuk dijadikan panduan untuk proses menyemak, diekstrak daripada sumber pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*. Dapatan kajian telah mendapati elemen humanisme sebanyak 10 elemen iaitu berdikari, kebebasan, kesedaran, prihatin, sahsiah diri, integriti, kemanusiaan, rohani, tanggungjawab dan sokongan. Antara perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah kajian. Di dalam kajian ini menunjukkan perbezaan kepada kaedah kajian. Kajian ini menggunakan dua jenis sumber pangkalan data sahaja

seperti *Scopus* dan *Google Scholar* manakala pengkaji menggunakan tiga jenis pangkalan data seperti *Google Scholar*, *Academia* dan *Research Gate*.

Seterusnya adalah kajian oleh Azizah Arsal dan Dahlia Janan pada tahun 2022 pula adalah bertemakan Sorotan Literatur Bersistematik: Kesan Kaedah Mengajar Bacaan Ekstensif Terhadap Tabiat Membaca. Kajian ini bermatlamat untuk meninjau kaedah yang digunakan penyelidik lain dalam mengaplikasikan bacaan ekstensif. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat kesan daripada tabiat membaca menerusi aktiviti bacaan ekstensif. Kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini adalah *Scopus* dan *Education Resources Information Centre (ERIC)*. Sebanyak 2292 artikel telah dianalisis dan disaring mengikut kriteria di dalam lingkungan tahun 2010 hingga 2021. Manakala 10 artikel mengenai kaedah mengajar bacaan ekstensif juga disaring dengan menggunakan Model PRISMA 2020. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pengkaji lebih cenderung untuk memilih teknik gabungan kualitatif dan kuantitatif. Kaedah yang popular yang digunakan adalah kaedah eksperimen bagi menilai keberkesanan program bacaan ekstensif. Oleh itu, perbezaan penyelidikan ini dengan pengkaji adalah objektif kajian. Kajian ini berobjektif untuk menilai keberkesanan kaedah bacaan ekstensif kepada tabiat membaca berbanding kajian yang bakal dijalankan menggunakan kaedah SLR untuk menilai kepentingan kajian terdahulu kepada masyarakat.

Selain itu, kajian oleh Norfarhana Ahmad Ghafar et.al pada tahun 2018 pula adalah bertajuk Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam. Kajian ini berobjektif untuk membincangkan sumbangan yang diberikan kepada para sarjana Islam terhadap Teori Medan Makna secara kronologi sehingga abad ke-21. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah *Systematic Literature Review (SLR)*. Dapatkan daripada kajian ini adalah sarjana Islam telah pun melopori teori ini dengan lebih awal secara tidak langsung berbanding sarjana Barat, dan juga

telah digunakan oleh mereka secara meluas. Oleh itu, perbezaan antara kedua-dua kajian adalah tujuan kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan dan sejarah Teori Medan Makna mula berkembang secara kaedah SLR.

Kemudian, kajian oleh Zamri Rajab et.al pada tahun 2016 adalah bertajuk Shahid Al-Quran dalam Karya Tatabahasa Arab: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematik. Kajian ini berobjektif untuk menganalisis pandangan sarjana terhadap shahid Al-Quran di dalam tatabahasa dan juga membincangkan kajian mengenai syahid Al-Quran ini di dalam tatabahasa. Kaedah kajian digunakan adalah kaedah kualitatif dengan membuat tinjauan terhadap literatur kajian shahid AlQuran melalui teknik analisis dokumen dan bersandarkan jadual matrik *Systematic Literature Review (SLR)*. Kaedah SLR adalah dianalisis melalui latar belakang, isu atau kompong, metodologi dan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan kajian mengenai syahid Al-Quran ini kerap dilakukan para pengkaji Arab dengan memfokuskan kepada karya utama tatabahasa karangan ulama yang berketurunan Arab dan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji kajian shahid Al-Quran adalah analisis dokumen dan kandungan. Perbezaan yang dapat dilihat di dalam kajian ini dengan kajian yang dijalankan adalah berdasarkan tujuan teknik yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah SLR adalah untuk menganalisis latar belakang, isu, dan metodologi kajian bagi mengkaji tatabahasa yang terkandung di dalam syahid Al-Quran.

Kajian oleh Analisa Hamdan et.al pada tahun 2021 pula adalah bertajuk The Acceptance of M-Heutagogical Practice In Higher Education: A Systematic Literature Review. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti semula kesusasteraan dengan mengamalkan M-Heutagogi dan penerimaan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan Sytematic Literature Review (SLR) dengan menjalani semakan sistematik kepada

60 artikel dalam lingkungan tahun 2007 hingga 2020. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa M-Heutagogi telahpun digunakan di IPT seluruh dunia dengan teknologi baharu dan aplikasi. Oleh itu, perbezaan antara kajian ini dengan kajian yang akan dijalankan adalah dapat dilihat kepada objektif kajian. Di mana kajian tersebut adalah untuk meneliti semula kajian kesusasteraan mengenai penerimaan M-Heutagogi di IPT berbanding kajian yang akan dilaksanakan adalah untuk meneliti semula kajian kesusasteraan untuk mengenal pasti kepentingannya kepada masyarakat.

Seterusnya adalah kajian oleh Ghazali Zainuddin et.al pada tahun 2019 adalah bertemakan A Systematic Literature Review on Massive Open Online Course (MOOC) for Language Learning. Kajian bermatlamat bagi menilai trend penyelidikan di dalam MOOC di seluruh dunia untuk melihat pengajian bahasa. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan tiga pangkalan data iaitu *ScienceDirect*, *ERIC* dan *Research Gate* di dalam lingkungan tahun 20132018. Sebanyak 3 artikel akan dianalisis. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris adalah merupakan tumpuan utama dalam pengajian bahasa dengan penggunaan MOOC. Kajian ini memberikan perbezaan yang jelas menerusi jenis pangkalan data. Kajian ini menggunakan kaedah SLR dengan menggunakan tiga jenis pangkalan data seperti *ScienceDirect*, *ERIC* dan *Research Gate* manakala kajian yang akan dijalankan akan menggunakan tiga juga jenis pangkalan data seperti *Google Scholar*, *Academia* dan *Research Gate*.

Kajian lain oleh Nurul Azira Sapian dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad pada tahun 2022 pula adalah bertajuk Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian Literatur Sistematik. Kajian ini bermatlamat untuk meninjau dan menganalisis corak penyelidikan terbaru mengenai pendekatan pedagogi terbeza yang

dilaksanakan dalam golongan guru bahasa Melayu yang memberi fokus kepada pengetahuan, aspek dan cabaran pelaksanaannya dalam bahasa Melayu. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan 37 artikel dan hanya 8 artikel sahaja yang dipilih melalui pangkalan data seperti Carian Bestari@UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan *Google Scholar* di dalam lingkungan 5 tahun terkini iaitu dari bulan Mei 2018 sehingga Mei 2022. Hasil daripada kajian menunjukkan kajian pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza yang digunakan dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah seimbang bagi setiap tahun. Oleh itu, perbezaan kajian ini dengan kajian yang akan dilaksanakan adalah dapat dilihat dengan tujuan kajian yang menggunakan kaedah SLR untuk menilai trend pendekatan pedagogi yang digunakan oleh guru bahasa Melayu berbanding pengkaji yang menggunakan kaedah SLR bagi meneliti kepentingan kajian sastera kepada masyarakat.

Akhir sekali adalah kajian oleh Siti Rosilawati Ramlan et.al pada tahun 2018 adalah bertemakan Gamifikasi Untuk Pembelajaran Bahasa: Satu Tinjauan Literatur Sistematis dengan berobjektif untuk melihat aliran kajian gamifikasi bagi pembelajaran bahasa dari tahun 2012 sehingga tahun 2018. Kaedah yang digunakan adalah dengan mengkaji kajian-kajian yang telah diterbitkan oleh Elsevier sebanyak 425 artikel dan hanya 88 sahaja daripada artikel tersebut digunakan dan dianalisis menerusi topik, reka bentuk, kaedah dan analisis. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa potensi kajian ini digunakan oleh penyelidik lain adalah meningkat bagi penyelidik yang berminat dengan kajian aliran gamifikasi untuk pembelajaran bahasa. Perbezaan antara kedua-dua kajian dapat dilihat di mana kajian ini menggunakan artikel yang lebih spesifik seperti artikel yang diterbitkan oleh Elsevier sahaja berbanding pengkaji yang tidak menggunakan spesifik artikel dalam kaedah kajian.

## **2.5 Kajian Bidang Lain**

Kajian awal oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, dan Phat Awang Deng bertajuk Karya Sastera Sebagai Produk Budaya: Definisi Konsep, Penghasilan, dan Cabaran pada tahun 2021. Kajian ini akan melihat kepada karya sastera ragam lisan dan tulisan, sejenis hasil budaya yang mempunyai banyak potensi untuk melonjakkan ekonomi negara. Definisi konsep, proses pengeluaran, dan kesukaran adalah tiga skop utama yang diliputi dalam kajian ini. Menggunakan teknik perpustakaan adalah untuk membantu menjawab objektif penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, penyelidikan masih dalam fasa awal. Akibatnya, sedikit maklumat boleh dikumpul. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dilaksanakan adalah menerusi kepentingan kajian. Kajian ini berkepentingan untuk mengangkat karya sastera untuk dijadikan sebagai bahan atau produk yang boleh meningkatkan ekonomi negara terutamanya dalam industri kreatif. Kesimpulannya, melalui kajian terhadap sastera dapat menunjukkan bahawa sastera boleh memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera merupakan tajuk kajian oleh Chew Fong Peng pada tahun 2006. Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan bagaimana kesusasteraan mempengaruhi pembentukan negara bangsa. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengukuhkan semangat kesedaran dan identiti nasional pelajar dengan menggunakan genre teater tertentu. Teori Kesusasteraan Bersatu adalah teori yang digunakan dalam penyiasatan ini. Kaedah soal selidik telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan input daripada responden. Ideanya ialah kajian ini dapat menunjukkan bagaimana kejayaan teater remaja mempengaruhi pembangunan sesebuah negara bangsa. Kajian ini terdapat perbezaan yang jelas menerusi kaedah kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah soal selidik berbanding pengkaji yang menggunakan kaedah SLR untuk menjawab objektif kajian.

Kemudian, kajian lepas yang seterusnya ialah Kajian Tentang Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berteraskan Falsafah Pendidikan Negara. Kajian telah dijalankan oleh Ani binti Haji Omar pada tahun 2015. Kajian ini tertumpu kepada penerapan falsafah pendidikan negara dalam menghasilkan karya kreatif yang dapat membina sahsiah remaja yang unggul serta minda yang lebih cemerlang demi membina jati diri remaja di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga untuk membuktikan bahawa falsafah pendidikan negara menjadi teras bagi memastikan kedudukan dan kesesuaian karya remaja kepada generasi akan datang. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan. Dapatan daripada kajian ini, karya sastera remaja yang mengandungi aspek efektif, kognitif dan psikomotor dapat membentuk insan muda yang berkemahiran seperti yang digariskan oleh falsafah pendidikan negara. Golongan muda boleh mengembangkan kemahiran yang digariskan oleh falsafah pendidikan negara dengan membaca sastera untuk golongan muda yang mempunyai komponen kognitif dan psikomotor yang berkesan. Perbezaan yang boleh dilihat antara kedua-dua kajian ini adalah tujuan kajian. Tujuan kajian ini adalah mengenai sastera remaja yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara boleh membentuk generasi yang akan datang dengan lebih baik.

Seterusnya, kajian oleh Hashim Ismail pada tahun 2017 adalah bertajuk Sastera Nasional: Antara Sastera Inggeris dan Sastera Melayu. Kajian ini berobjektif untuk membincangkan faedah penggunaan Bahasa Melayu di dalam sastera kebangsaan dan juga mengkaji kewajaran penerimaan sastera Inggeris yang merupakan bahasa penyatuan baru dunia sastera. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kajian secara deskripsi dan perbandingan teks. Kajian ini mendapati bahawa sastera Melayu diterima sebagai sastera kebangsaan namun sastera lain yang lebih bersifat sukuan atau bahasa yang lain juga layak mewakili sastera Malaysia. Kajian ini

memberi perbezaan yang jelas antara pengkaji melalui objektif kajian. Di mana kajian ini ingin melihat kewajaran sastera nasional sebagai sastera kebangsaan serta mewakili sastera Malaysia.

Selain itu, kajian oleh Mohd Amir Mohd Zahari et.al pada tahun 2020 bertemakan Kewajaran Penggunaan Produksi Teater dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusteraan Melayu Komunikatif. Kajian ini membincangkan untuk melihat kewajaran pengaplikasian pembelajaran genre drama dalam Produksi Teater melalui penerapan mata pelajaran

Kesusteraan Melayu Komunikatif. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan. Dapatan daripada kajian ini adalah melalui pengaplikasian Produksi Teater, muridmurid atau pelajar dapat mengenali kehidupan dan silaturahim dapat dikukuhkan. Perbezaan kajian dengan pengkaji adalah kajian ini lebih mengfokuskan kepada penerapan Produksi Teater dalam pendidikan pelajar manakala pengkaji memberikan fokus kepada kajian sastera yang terdahulu untuk menilai kepentingannya kepada masyarakat.

Tambahan pula, kajian oleh Zahida Atiqah Abdul Wahab et.al pada tahun 2022 adalah bertajuk Nilai Sosial dalam Novel *Srengenge* Melalui Teori Sosiologi Sastera: Pendekatan Sosiologi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji nilai sosial dalam novel *Strengenge* berlandaskan teori sosiologi sastera iaitu pendekatan sosiologi. Kaedah yang digunakan dalam menjawab objektif kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan merujuk teks sebuah novel *Strengenge* dan juga sumber dari internet. Dapatan daripada kajian ini dapat menjelaskan bahawa nilai sosial yang diterapkan dalam karya dapat memberikan kepentingan kepada masyarakat. Perbezaan kajian dapat dilihat di mana kepentingan nilai sosial kepada masyarakat dikaji melalui analisis di dalam sebuah teks novel *Strengenge* berbanding pengkaji yang ingin melihat kepentingan kajian kepada masyarakat melalui kajian terdahulu.

Seterusnya adalah kajian oleh Nirhoshan Vharmhan Nair et.al pada tahun 2022 juga adalah bertajuk Nilai Moral dalam Filem Paskal Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bermatlamat bagi mengkaji nilai-nilai moral dan menganalisis kesan kepada nilai-nilai moral yang terkandung di dalam filem *Paskal* dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, internet, pengumpulan data dan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian mendapati filem *Paskal* mengandungi banyak nilai moral seperti bertanggungjawab, amanah, baik hati, dan bijak merancang strategi. Tambahan pula, nilai-nilai moral tersebut dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat yang menontonnya. Perbezaan antara kedua-dua kajian dapat dilihat menerusi objektif kajian. Kajian ini adalah untuk menilai kepentingan nilai-nilai moral berdasarkan filem *Paskal* berbanding pengkaji yang ingin melihat kepentingan kajian terdahulu kepada masyarakat.

Kemudian, kajian oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali dan Nordiana Ab. Jabar pada tahun 2020 adalah bertajuk Interpretasi Resepsi Sastera Menerusi Lirik Lagu *Tolong Ingatkan Aku*. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti peranan lirik lagu dalam menyampaikan unsur positif terhadap masyarakat yang mendengar lagu tersebut. Kaedah kajian yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini adalah kaedah kualitatif atau kepustakaan dengan meneliti bahan seperti buku, artikel, majalah dan juga tesis. Tambahan pula, Teori Resepsi digunakan untuk merungkai setiap baris lirik lagu dari segi aspek teknik penulisan, gaya bahasa, kiasan, lambang, unsur kesamaran bagi membuktikan gaya pemikiran pengkarya. Dapatkan kajian ini adalah lagu yang berjudul *Tolong Ingatkan Aku* adalah sebuah lagu puisi sebagai pesanan, nasihat atau sindiran secara halus kepada masyarakat terutamanya kepada manusia yang berada di kemuncak kegemilangan. Perbezaan kajian ini dengan pengkaji adalah dapat dilihat menerusi tujuan kajian. Di mana kajian ini adalah untuk menilai resepsi sastera berdasarkan lirik lagu dalam menilai kepentingannya

kepada masyarakat berbanding pengkaji yang hanya melihat kepada kajian-kajian sastera yang terdahulu.

Selain itu, kajian oleh Norazimah Zakaria pada tahun 2013 adalah bertajuk Hikayat Melayu atau Sejarah Melayu “Long Version” Versi Tengku Said: Satu Kajian Kes Teks Sastera Sejarah. Kajian ini bermatlamat bagi melihat hukum kepengarangan Melayu pada abad ke-19. Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif iaitu kaedah kajian kepada teks dan lapangan. Dapatan daripada kajian ini adalah teks Hikayat Melayu terbukti bahawa ia merupakan sebuah teks sastera sejarah berdasarkan ciri yang dijelaskan seperti kemasukkan penjajah asing seperti Inggeris dan Belanda, hubungan baik antara penjajah, raja yang menjalani hidupan biasa dan sebagainya. Perbezaan kajian ini dengan pengkaji adalah melalui fokus kajian dan kaedah kajian. Kajian ini lebih memfokuskan kepada teks Hikayat Melayu sahaja untuk membuktikan bahawa teks Hikayat Melayu merupakan teks sastera sejarah dengan menggunakan kaedah kajian teks dan lapangan.

Akhir sekali adalah kajian oleh Mohd Khairul Adenan et.al pada tahun 2018 bertajuk Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini mengandungi tiga objektif iaitu pertama adalah untuk kenal pasti fungsi penggunaan diksi pada novel, kedua adalah untuk menganalisis kesan unsur bahasa yang dramatik digunakan dan yang terakhir adalah mengenal pasti gaya penulisan penulis novel. Kaedah yang digunakan kajian ini adalah kaedah kualitatif di mana penyelidikan dijalankan dengan menganalisis teks novel Nasi Kangkang karya Azwar Kamaruzaman berlandaskan teori stilistik kepada Prinsip Webber (1989). Hasil daripada kajian ini adalah penggunaan aspek diksi seperti dialek, slanga dan bahasa asing mampu memberikan fungsi kepada novel seperti merealitikan latar yang terdapat di dalam novel, memberikan kesan kepada watak dan sebagainya. Kemudian kesan bahasa yang dramatik yang digunakan oleh pengarang dapat memberi kesan kepada watak dan

konteks. Gaya peribadi penulis novel ini adalah banyak menggunakan bahasa slanga, dialek, hiperbola dan simile. Perbezaan yang boleh dilihat di dalam kajian ini dengan pengkaji adalah berdasarkan kaedah kajian. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan Teori Stilistik untuk menganalisis teks novel yang dipilih bagi mendapatkan kesan kepada masyarakat serta gaya penulisan penulis berbanding pengkaji yang menggunakan kaedah SLR untuk menjawab objektif kajian.

## **2.6 Kesimpulan**

Oleh itu, kajian terhadap sastera mempunyai banyak kepentingannya kepada masyarakat. Hal ini adalah kerana, sastera dan masyarakat amat bergantung antara satu sama lain. Melalui sastera dapat membentuk keperibadian seseorang individu dan juga generasi yang akan datang. Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap sastera melalui beberapa kategori lain seperti filem, teater, budaya dan sebagainya. Oleh itu, tidak dapat dipertikaikan bahawa kajian sastera tidak lagi asing dalam kalangan penyelidik. Tambahan pula, kajian sastera ini juga amatlah penting supaya hasil karya yang akan dilakukan lebih berkualiti. Melalui kajian literatur yang telah dijalankan dapat melihat bahawa kaedah SLR kurang dijalankan ke atas kajian sastera. Oleh itu, melalui kajian literatur dapat dijadikan panduan dalam menggunakan kaedah SLR dengan betul.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab tiga ini menerangkan metodologi kajian atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi meneliti kepentingan kajian sastera kepada masyarakat berdasarkan kajian terdahulu. Bab tiga ini juga memberikan penjelasan mengenai cara kajian dijalankan, bagaimana data tersebut diperolehi dan juga cara mendapatkan maklumat daripada sumber yang sahih dan tepat. Antara perkara yang dijelaskan bab ini adalah seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian, penggunaan kaedah Systematic Literature Review (SLR) dan kerangka teoritikal. Antara jenis kaedah yang digunakan adalah kaedah pengumpulan data, dapat dilihat kaedah ini adalah untuk menganalisis teks kajian-kajian terdahulu melalui pembacaan data. Selain itu, pemilihan data juga turut dilakukan bagi menilai data yang diperolehi supaya bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Manakala langkah terakhir pula untuk mengenal pasti data bagi membuat pembahagian mengikut objektif kajian. Akhir sekali, cara penggunaan kaedah SLR juga turut akan diperjelaskan.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu perkara yang amat penting kepada kajian kerana ia merupakan satu panduan bagi memastikan persoalan kajian terjawab dan objektif kajian tercapai. Tujuan reka bentuk kajian ini adalah untuk menunjukkan hala tuju kajian bagi memastikan kajian tersebut berada di landasan yang tepat dan tersusun. Kaedah yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan data adalah melalui kaedah kualitatif. Dengan penggunaan kaedah ini, akan membuat pengumpulan teks kajian terdahulu dan akan membuat penelitian serta analisis terhadap maklumat dan data yang akan diperolehi pengkaji. Tambahan pula, reka bentuk kajian ini juga akan

menggambarkan secara ringkas aliran struktur yang dilakukan ketika membuat kajian. Antara aliran struktur tersebut akan memberi fokus kepada objektif kajian dan juga menentukan hala tuju bagi meneliti kepentingan kajian sastera kepada masyarakat berdasarkan kajian terdahulu. Dengan itu, dapat memberikan data dan hasil kajian difahami dan jelas. Kaedah SLR akan menjadi kaedah yang penting dalam mengumpul kajian-kajian sastera terdahulu dan melihat bagaimana ia memberikan kepentingan kepada masyarakat. Kaedah SLR ini juga dijadikan sebagai kaedah di dalam kajian ini bagi memastikan pengkaji dapat menganalisis teks kajian-kajian lepas dan membuat penilaian secara kritis bagi mendapatkan data kajian.

Menerusi reka bentuk kajian ini dapat memberikan tumpuan kepada masalah serta langkah yang digunakan bagi mendapatkan data bagi kajian dan sekali gus boleh mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Antara objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

3.2.1 Mengorganisasikan kajian lepas berkenaan lapangan sastera dan masyarakat menggunakan teknik *Systematic Literature Review* (SLR).

3.2.2 Mengenal pasti kepentingan kajian lepas terhadap masyarakat dan dunia pendidikan.

Bagi mencapai objektif berikut, pengkaji juga telah membuat penelitian dan menentukan kaedah yang akan digunakan bagi menentukan hala tuju kajian. Seterusnya, pemilihan tajuk juga telah dinilai dan melakukan beberapa proses penelitian dengan melakukan tinjauan terhadap kajian-kajian sastera yang telah dibuat pengkaji lepas supaya pemilihan tajuk tersebut memberi kelainan dengan tajuk pengkaji lain. Dengan itu, kesemua dapatan yang diperolehi akan diteliti terlebih dahulu sebelum dijadikan data kepada objektif kajian.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian ini akan menggunakan kajian-kajian sastera yang telah dibuat oleh pengkaji lepas menerusi kaedah kualitatif. Kajian-kajian terdahulu mengenai sastera akan dikumpulkan di dalam lingkungan masa antara 2015 hingga 2023 sahaja. Menerusi kajian-kajian yang telah dikumpulkan akan dianalisis dan diteliti isi kandungan di setiap artikel kajian tersebut seperti objektif kajian, isu, kepentingan kajian dan dapatan kajian. Kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat pembacaan dan analisis dapat memberikan inti pati dan maklumat sebagai data kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji kini.


Antara kaedah yang digunakan bagi menguatkan lagi hujahan dan data sebagai maklumat kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji kini adalah kaedah kepustakaan, analisis tekstual, sumber internet dan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR). Melalui kaedah-kaedah yang digunakan akan memberikan fokus terhadap objektif kajian, kepentingan kajian, dapatan kajian dan isu kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan sastera. Kaedah SLR yang digunakan menjadi satu landasan kepada kajian ini supaya tidak terpesong daripada tujuan kajian.

#### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan ini memberi fokus kepada pencarian bahan-bahan ilmiah sebagai data dan sumber maklumat tambahan kepada pengkaji. Pencarian bahan tersebut adalah sumber daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Bahan-bahan ilmiah yang akan dicari adalah seperti buku, jurnal, tesis, artikel dan maklumat yang bertulis. Kesemua bahan yang dicari dan dipilih akan melalui proses analisis dan penelitian terhadap isi dan kandungan bahan tersebut sebagai sumber data kepada kajian. Dengan penggunaan kaedah tersebut dapat memberikan kesahihan kesemua data yang diperolehi adalah melalui sumber yang betul.

### 3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Kesemua maklumat dan data yang diperolehi akan dijadikan sumber kepada kajian pengkaji selepas melalui proses analisis terhadap kajian-kajian yang terdahulu. Kaedah ini akan membuat pembahagian kepada beberapa perkara iaitu isu kajian, objektif, kepentingan dan dapatan kajian mengikut keperluan data yang diperolehi dan juga melengkapkan hujahan melalui maklumat yang diperolehi. Kaedah ini perlu dilakukan dengan pemerhatian yang baik agar mengikuti etika ketika menulis kajian. Proses analisis teks ini boleh dirujuk pada gambar di bawah:



Rajah 3.3.2 Teknik Analisis Tekstual Berdasarkan Kajian-kajian Sastera yang Terdahulu

Tambahan pula, kaedah ini juga boleh mendapat maklumat yang lebih sahih dan tepat mengenai isu atau masalah dengan menggunakan sumber yang tepat. Antara jenis dokumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas mengenai sastera dan masyarakat. Melalui maklumat yang diperolehi amatlah membantu dalam

mengukuhkan hujahan di dalam kajian ini dengan mempelbagaikan lagi sumber rujukan mengenai kajian ini.

### **3.3.3 Sumber Internet**

Data dan maklumat yang diperolehi turut menggunakan sumber Internet bagi memperluaskan data yang diperolehi supaya lengkap dan berkualiti. Proses analisis dan penapisan terhadap kajian-kajian sastera terdahulu yang telah dikumpulkan juga dijalankan oleh pengkaji sebelum dijadikan data atau sumber kepada kajian kepada pengkaji. Antara sumber Internet yang digunakan adalah seperti *Google Scholar*, *Academia*, dan *Research Gate*. Laman Dewan Bahasa dan Pustaka juga turut digunakan untuk mendefinisikan sesuatu perkataan agar lebih jelas. Penggunaan sumber internet ini boleh mendapatkan pelbagai maklumat dan hasil penyelidikan yang terdahulu. Semasa membuat pemilihan data melalui sumber Internet, pengkaji telah memilih secara berhati-hati supaya menjamin kesahihannya.

### **3.4 Kaedah Systematic Literature Review (SLR)**


Kaedah ini adalah kaedah yang memberikan fokus kepada kehendak kajian. Selain itu, kaedah SLR ini digunakan di dalam kajian ini untuk mencari maklumat dan data yang berkaitan dengan bersistematik. Tambahan pula, kaedah ini digunakan adalah untuk mengintegrasikan semula kajian-kajian lepas sastera terdahulu yang telah dikumpul dengan melalui proses tapisan dan dinilai dengan lebih terperinci bagi mendapatkan maklumat kepada kajian. Antara beberapa perkara yang perlu dianalisis adalah seperti isu, objektif, dapatan kajian dan kepentingan kajian. Kajian yang dikumpulkan adalah di dalam lingkungan tahun 2015 hingga tahun 2023. Sebanyak 27 artikel akan dipilih dan dianalisis setiap isi dan kandungan bagi mendapatkan data.

Perancangan	Pembangunan	Hasil dapatan
Kenal pasti keperluan pencarian artikel dan jurnal Tentukan objektif yang perlu dicapai	Mengenal pasti ( <i>Identifying</i> ) Saringan ( <i>Screening</i> ) Kelayakan ( <i>Eligibility</i> ) Kemasukan ( <i>Included</i> )	Analisis data yang telah dikutip mengikut kriteria Membuat perbandingan antara kesemua data Membuat kesimpulan

Rajah 3.3.4 Kaedah *Systematic Literature Review* (SLR)

Kaedah SLR ini mengandungi tiga kategori iaitu perancangan (*planning*), pembentukan (*development*) dan hasil (*result*). Terdapat empat peringkat pada bahagian pembentukan (*development*) iaitu strategi pencarian proses SLR yang menggunakan kaedah mengenal pasti (*identifying*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*), dan kemasukan (*included*).

Antara proses yang pertama dengan menggunakan kaedah SLR ini adalah *Planning*. Melalui proses ini akan mengenal pasti keperluan pencarian artikel dan jurnal yang dicari dan menentukan objektif yang perlu dicapai di dalam kajian. Pencarian artikel dan jurnal perlulah berkaitan dengan persoalan kajian dan objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini. Seterusnya, di dalam proses *development* pula, artikel yang telah dikumpulkan akan melalui beberapa proses Strategi Pencarian Maklumat atau *Searching Strategies* seperti jadual di bawah.



Rajah 3.3.4 Strategi Pencarian Maklumat dan Data Mengikut Kaedah PRISMA


Proses di atas adalah strategi pencarian maklumat dan data (*searching strategies*). Bagi menggunakan strategi ini akan menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses*) iaitu mengeluarkan kandungan-kandungan yang boleh dijadikan sumber data kepada kajian berdasarkan artikel yang dikumpul. Proses yang digunakan untuk mengumpul dan menapis artikel adalah dengan menggunakan empat proses iaitu proses yang pertama adalah mengenal pasti (*identifying*) iaitu melakukan pencarian artikel berkaitan di tiga pangkalan data utama seperti Google Scholar, Research Gate dan Academia. Proses kedua pula adalah saringan (*screening*) iaitu artikel yang tidak mempunyai perkaitan dan kriteria yang diperlukan serta tidak menyumbangkan sumber akan dikeluarkan atau digugurkan. Manakala proses terakhir adalah kelayakan (*eligibility*), proses ini akan dinilai berdasarkan isu, objektif kajian, dapatan dan kepentingan melalui artikel yang telah dipilih. Bagi proses ini kajian ini hanya menggunakan artikel dan jurnal sahaja. Bagi pemilihan bahasa artikel atau jurnal adalah

menggunakan bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris bagi memberikan kefahaman. Bagi tahun terbitan pula adalah di dalam lingkungan tahun 2015 hingga tahun 2023. Tempoh ini dipilih bagi menjamin data dan maklumat yang terkini sahaja. Penilaian dan pemilihan artikel dan jurnal tidaklah terhad kepada negara dan lokasi. Akhir sekali adalah proses memasukkan artikel (*included*) iaitu artikel yang menepati kesemua aspek dan kriteria akan dipilih dan memulakan proses menganalisis kandungan.

Setelah melalui proses pembentukan (*development*), kesemua artikel dan jurnal yang telah disaring akan di analisis untuk mendapatkan data daripada bahan yang telah dikutip dan dihasilkan melalui proses-proses yang telah dilakukan. Melalui proses ini, data yang diperolehi akan dikategorikan mengikut kriteria yang ditetapkan seperti isu, objektif, kepentingan dan hasil dapatan daripada artikel dan jurnal lepas. Selepas di analisis mengikut kriteria, data-data tersebut akan dibuat penelitian secara perbandingan melalui ke semua data yang sudah dikeluarkan untuk dijadikan data dan sumber kepada kajian. Akhir sekali, kesimpulan akan dibuat terhadap keseluruhan data yang telah dianalisis dan diteliti bagi menguatkan hujah kepada data dan dijadikan sumber maklumat kepada kajian.

### 3.5 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal ini adalah menunjukkan aliran perancangan keseluruhan kaedah bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.



### **3.6 Kesimpulan**


Kaedah kajian merupakan satu peranan yang penting bagi sesebuah kajian yang ingin dilakukan. Penggunaan kaedah kajian yang tepat dapat memberikan hasil kajian itu lebih jelas dan berkualiti. Sekiranya kaedah kajian yang digunakan adalah bersistematik dan tersusun akan memberikan sumber data dan maklumat yang lebih berkualiti bagi memberikan hasil kajian yang lebih tepat dan jelas. Selain itu, penggunaan kaedah kajian ini boleh memberikan sumber data dan maklumat bagi menyokong hujahan di dalam dapatan kajian dan analisis dengan fakta dan kesahihan sumbernya. Hal ini dikatakan demikian kerana, sumber dan data yang diperolehi telah menjalani proses analisis dan saringan yang telah dijalankan secara terperinci. Dengan itu, terlihat jelas bahawa metodologi kajian adalah sesuatu kaedah yang penting bagi memberikan data dan sumber kepada hasil kajian. Tambahan pula, metodologi kajian juga telah memberikan satu penjelasan yang jelas mengenai kaedah SLR yang merupakan sesuatu yang perkara yang baharu kepada pengkaji. Melalui metodologi kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan sumber maklumat dan data yang lebih jelas dan sahih dan melancarkan pencarian sumber. Akhir sekali, metodologi kajian ini amat diperlukan dalam membuat sesuatu penyelidikan agar mendorong kepada hala tuju kajian yang ingin dikaji.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab empat akan membincangkan mengenai objektif kajian iaitu mengorganisasikan kajian-kajian lepas sastera dan masyarakat yang terpilih dengan menganalisis keseluruhan teks kajian secara terperinci. Kajian ini dibataskan sebanyak 27 artikel sahaja untuk mendapatkan data melalui proses penelitian dan analisis berdasarkan teks-teks kajian yang lepas iaitu di dalam lingkungan antara tahun 2015 hingga 2023. Penelitian dan analisis kajian akan dikumpulkan menggunakan teknik *Systematic Literature Review (SLR)* PRISMA. Selepas penelitian terhadap 27 artikel tersebut dilakukan, kajian-kajian tersebut akan melihat kepada kepentingan artikel tersebut terhadap masyarakat dan dunia pendidikan.




Rajah 4.1: Infografik Bab 4

## **4.2 Mengorganisasikan Kajian Lepas Berkenaan Lapangan Sastera dan Masyarakat**

Kajian-kajian lepas mengenai sastera dan masyarakat akan dikumpulkan dari tahun 2015 sehingga 2023 dan diorganisasikan dengan menggunakan teknik *Systematic Literature Review* (SLR) PRISMA. Penggunaan teknik tersebut dilakukan dengan melihat keseluruhan kajian bagi mendapatkan data yang akan digunakan untuk mengenal pasti kepentingan kajian tersebut kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Kajian tersebut akan diorganisasikan mengikut tahun dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu masyarakat dan dunia pendidikan.

### **4.2.3 Pengumpulan Data Kaedah PRISMA**

Pengumpulan data akan dijalankan dengan mengumpulkan sebanyak 59 kajian lepas berkenaan sastera sebagai data primer. Pengumpulan kajian-kajian tersebut dikumpul melalui dua pangkalan data utama iaitu Google Scholar dan Research Gate. Proses pengumpulan data ini akan dilakukan dengan mengestrak isi kandungan yang terdapat di dalam kajian-kajian tersebut berdasarkan tahun, tajuk, objektif kajian dan dapatan kajian. Kemudian, setelah mengenalpasti data yang terdapat di dalam kajian tersebut akan dikategorikan kepada dua iaitu kepentingan kajian tersebut kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Rajah di bawah adalah carta alir pemilihan artikel dan proses pengestrakan data melalui 59 kajian yang dikumpulkan.



Rajah 4.2.3: Carta Alir Pemilihan Artikel Melalui Kaedah PRISMA

Melihat kepada carta alir proses pengumpulan data yang menggunakan teknik SLR kaedah PRISMA telah dijalankan secara teliti untuk dimasukkan ke dalam sintesis kajian. Beberapa artikel yang tidak memberikan data dan tidak menepati kriteria kepada kajian ini akan digugurkan. Melihat kepada carta alir di atas sebanyak 32 artikel kajian digugurkan daripada 59 data primer. Hanya 27 sahaja artikel yang telah diambil bagi menjawab objektif kajian. Jadual 4.2.3 di bawah menunjukkan ringkasan artikel yang telah dikumpulkan sebagai sumber primer dan disaring untuk mendapatkan data bagi menjawab objektif kajian ini.

#### 4.2.4 Senarai Data Primer Mengenai Kajian-Kajian Lepas Sastera

<b>Penulis</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tajuk Kajian</b>	<b>Pangkalan Data</b>
1. Norazimah Zakaria	2014	Peranan Pengarang Tradisi dalam melahirkan Masyarakat Pemikir	Research Gate
2. Mohd Shahrizal Nasir dan Rahmah Ahmad Osman	2014	Sastera Sebagai Sumber Ilmu: Satu tinjauan Terhadap Sorotan Pengertian Al-Adab	Research Gate
3. Noor Hazwany Binti Haji Arifin	2015	Persepsi Masyarakat Terhadap Sastera Siber	Google Scholar
4. Syahida Nadia Zakaria	2015	Kesan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	Google Scholar
5. Hasrina Baharum	2015	Landskap sebagai Mekanisme Pertahanan Diri Berdasarkan Karya Sastera Melayu Tradisional	Google Scholar
6. Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamruddin	2015	Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas	Google Scholar
7. Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop	2015	Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu.	Google Scholar
8. Abdul Hakim Abdullah, Mohd	2015	Kupasan Lanjut Terhadap Konsep dan Peranan Pendekatan Sastera Islam Moden	Research Gate

Taufiq Abd Talib dan Azhar Yaacob			
9. Ani Binti Haji Omar	2015	Nilai Murni Dalam Sastera Remaja Memupuk Kecintaan Terhadap Negara	Google Scholar
10. Che Abdullah Che Ya	2015	Bayangan Wacana Politik Dalam Karya Sastera: Analisis Novel Kawin-Kawin	Research Gate
11. Nor Hashimah Jalaluddin	2015	Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa: Mendakap Khazanah Menenun Inovasi	Research Gate
12. Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil dan Ghazali Lateh	2015	Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusteraan Melayu	Google Scholar
13. Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh	2015	Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional	Google Scholar
14. Farra Humairah Binti Mohd dan Nik Rafidah Muhamad Affendi	2016	Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir Dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak	Google Scholar
15. Noor Haazwany Haji dan Salmah Jan Noor Muhammad	2016	Persepsi Masyarakat Terhadap Mutu Maklumat Sastera Siber	Google Scholar
16. Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim dan Hasmawati Hassan	2016	Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashitan dan Percivel	Google Scholar
17. Norazimah Zakaria et al.	2017	Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun	Google Scholar

18. Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain Binti Ramli	2017	Sastera Melayu Membina Teras Identiti Bangsa	Google Scholar
19. Florina Jumil dan Norjetta Julita Taisin	2017	Nilai Pendidikan dalam Tangon- Tangon Masyarakat Kadazandusun	Google Scholar
20. Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj Wahid	2018	Pendidikan Sastera Melayu Memperkuatkan Pembinaan Karakter Pelajar	Research Gate
21. Safwan Razali dan Zubir Idris	2018	Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional dalam Syair Putera Mahkota	Research Gate
22. Ahmad Nabil Amir	2019	Falsafah Pemikiran Sastera Islam	Google Scholar
23. Muhamad Aniq bin Azlan dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar	2019	Persepsi dan Motivasi Khalayak untuk Membaca Karya Sastera dalam Akhbar Bercetak	Google Scholar
24. Amir Asyraff Jamin dan Fatimah Subet	2019	Karya Indie: Sastera Kontemporari Bernilai Pendidikan	Research Gate
25. Ismail Naim Abdullah dan Abdul Ghafar Don	2019	Kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli.	Google Scholar
26. Nadia binti Ishak dan Kamariah binti Kamarudin	2019	Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda	Google Scholar
27. Rohayati Jonaidi	2019	Pantun Melayu Sarawak Cerminan Sosiobudaya Masyarakat Sarawak	Research Gate
28. Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman	2020	Perkembangan pemikiran sastera Islam di Alam Melayu.	Google Scholar

29. Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution dan M.Husnam Lubis	2020	Cerita Rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos dan Legenda dalam Membentuk Kearifan Lokal Masyarakat	Google Scholar
30. Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah	2020	Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel <i>Tuhan Manusia</i> Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah	Google Scholar
31. Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi dan Maizira Abdul Majid	2020	Hubungan Rakyat dan Pemerintahan dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan	Research Gate
32. Mawar Safei dan Tuan Rusmawati Raja Hasan	2020	Daun Sebagai Wahana Komunikasi Dalam Kesusastraan Melayu	Research Gate
33. Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian dan Rozita@Radhiah Said	2020	Keberkesanan Penggunaan Frog VLE Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah	Google Scholar
34. Siti Normala Hamzah, Mohammad Saleeh Rahamad dan Md Azalanshah Md Syed	2020	Rasuah dan Salah Guna Kuasa” Protes Sosial Rahim Razali dalam Matinya Seorang Patriot	Research Gate
35. Asyraff Jamin dan Mary Fatimah Subet	2021	Realisme Ekonomi Masyarakat Malaysia dalam Karya Indie	Google Scholar
36. Elavarassan M. Suppiah dan Nordiana Hamzah	2021	Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesusastraan Melayu dalam Teks	Google Scholar

		Cerpen Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif	
37. Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali	2021	Implikasi Elemen Sastera Melayu Terhadap Perkembangan Kognitif Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Rendah	Research Gate
38. Baharudin dan Nordiana Hamzah	2021	Nilai Adab Kepada Allah dalam Novel Nggusu Waru	Research Gate
39. Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali dan Norawi Kata	2021	Unsur Sastera Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Melahirkan Murid Berfikiran Kritis	Research Gate
40. Shafa'Atussara Silahudin	2021	Sastera Lisan Memperkasa Bahasa Minangkabau Menerusi Lagu dan Persembahan Kebudayaan di Malaysia	Research Gate
41. Madiawati Mamat @Mustafa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Nurhamizah Hashim dan Nur Asyirah Hazari	2021	Buku Audio Sastera Sebagai Alternatif Pembacaan Karya Sastera dalam Era Digital	Google Scholar
42. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah	2021	Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak	Google Scholar

43. Mohd Rohimah Subri dan Rohinazi Yaakub	2021	Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu dalam Pengajaran Komponen Sastera: Satu Kajian Kes	Research Gate
44. Dilah Tuah	2022	Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensi kepada Pelancongan Budaya di Sarawak	Research Gate
45. Faraha Hamidi	2022	Peranan dan Cabaran Ejen Persuratan dalam Pengantarabangsaan Sastera Kontemporari Melayu	Research Gate
46. Muhammad Nur Al- Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob	2022	Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa	Google Scholar
47. Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali	2022	Memahami Konsep Saintifik Sains KSSR Menggunakan Elemen Sastera Melayu	Google Scholar
48. Nadiyah Hashim, Jamalia Aurani, Noor Azura Zainuddin, Solihah Haji Yahya Zikri dan Zuraimy Ali	2022	Sumbangan Novel Patuh Syariah Dalam Membina Masyarakat Sejahtera	Google Scholar
49. Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abdul Aziz dan Norazilah Buhari	2022	Warisan Budaya Melayu dalam Novel “Kasyaf Ain”	Research gate
50. Wan Azura Wan Ahmad	2022	Membudayakan Norma Baharu Melalui Penghayatan Nilai Retorik	Research Gate

		dan Psikologi dalam Peribahasa Melayu dan Arab	
51. Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah	2022	Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu	Research Gate
52. Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi	2022	Kepengarangan Cerpen Remaja Pasca 12 Mei 1969 Antara Nazel Hashim dan Ismail Sarbini: Suatu Perbincangan Dari Sudut Pendidikan Nilai Murni Keberanian Melalui Tema Sejarah	Google Scholar
53. Nor Hashimah Jalaluddin	2023	Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik.	Google Scholar
54. Slyvester Jua dan Norazimah Zakaria	2023	Keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik Terhadap Kemahiran dan Minat Membaca Teks Sastera dalam Kalangan Pelajar Elektif Sastera di Sekolah Menengah	Research Gate
55. Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Bin Mohd Nathir dan Mohamad Yazid Bin Abdul Majid	2023	Kepentingan Bahan Sastera dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing	Research Gate
56. Ros Anita Kartini dan Abdul Halim Ali	2023	Tajuk E-Book: Isu-Isu Penyelidikan dalam Meningkatkan Pengetahuan dan Kefahaman Kanak-Kanak Menerusi Pantun	Research Gate

57. Rohayati Junaidi, Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Nur Faaizah	2023	Engkaulah Adiwiraku sebagai Saluran Informasi COVID-19 Berdasarkan Model Komunikasi SCMR Berlo	Research Gate
58. Awang Abdul Muizz Awang Marusin	2023	Pandangan Hasyuda Abadi Terhadap Sastera yang Membina Masyarakat Madani di Malaysia	Research Gate
59. Farra Humairah Mohd, Fazilah Husin, Nordiana Hamzah dan Hasrina Baharum	2023	Pemikiran Pendidikan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Terpilih dan Kesan Positifnya	Research Gate

UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

Jadual 4.2.4: Rumusan Saringan Artikel Mengikut Pangkalan Data

Pangkalan Data	Google Scholar	Research Gate	Jumlah
Dijumpai dan dimuat turun	31	28	59
Artikel yang dibuang	17	15	32
Jumlah memenuhi ciri-ciri pemilihan	14	13	27

Jadual di atas merupakan jadual rumusan saringan terhadap keseluruhan artikel yang telah dikumpulkan. Sebanyak 31 artikel yang telah dijumpai dan dikumpulkan melalui pangkalan data Google Scholar manakala 28 artikel data yang dikumpulkan daripada pangkalan data Research gate yang turut dijadikan data kasar bagi kajian ini. Kajian-kajian yang digugurkan adalah disebabkan data yang diperolehi tidak mencapai persoalan kajian. Selain itu juga, kajian yang dibuang adalah disebabkan aspek saringan bahasa dan tahun. Hal ini adalah kerana, kajian ini hanya mengumpulkan kajian-kajian yang berbahasa Melayu dan batasan tahun dari 2015 sehingga 2023 sahaja. Maka dengan itu, sebanyak 27 artikel yang disaring menerusi kedua-dua pangkalan data didapati mempunyai data yang mencukupi untuk dijadikan sebagai sintesis kajian ini. Dengan itu, jumlah keseluruhan kajian untuk dijadikan data sekunder adalah sebanyak 27 artikel. Jadual di bawah adalah menunjukkan senarai artikel yang dijadikan sebagai data sekunder dan disertakan dengan kod bagi memudahkan pengkaji untuk membuat analisis kajian.

Jadual 4.2.4: Senarai Artikel Kajian Lepas Yang Telah Disaring Berdasarkan Kaedah PRISMA

Kod	Nama Penulis	Tahun	Tajuk Kajian	Pangkalan Data
[O1] Tema: Kajian Sastera Kepada Masyarakat dan Dunia Pendidikan				
S1.	Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop	2015	Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu.	Google Scholar
S2.	Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq Abd Talib dan Azhar Yaacob	2015	Kupasan Lanjut Terhadap Konsep dan Peranan Pendekatan Sastera Islam Moden	Research Gate
S3.	Ani Binti Haji Omar	2015	Nilai Murni Dalam Sastera Remaja Memupuk Kecintaan Terhadap Negara	Google Scholar

S4.	Che Abdullah Che Ya	2015	Bayangan Wacana Politik Dalam Karya Sastera: Analisis Novel Kawin-Kawin	Researcrh Gate
S5.	Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil dan Ghazali Lateh	2015	Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu	Google Scholar
S6.	Farra Humairah Binti Mohd dan Nik Rafidah Muhamad Affendi	2016	Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak- Kanak Pilihan Mutakhir Dan Kesan Positif Kepada Kanak- Kanak	Google Scholar

S7.	Norazimah Zakaria et al.	2017	Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun	Google Scholar
S8.	Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain bt Ramli	2017	Sastera Melayu Membina Teras Identiti Bangsa	Google Scholar
S9.	Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj Wahid	2018	Pendidikan Sastera Melayu Memperkuatkan Pembinaan Karakter Pelajar	Research Gate
S10.	Amir Asyraff Jamin dan Fatimah Subet	2019	Karya Indie: Sastera Kontemporari Bernilai Pendidikan	Research Gate
S11.	Ismail Naim Abdullah dan Abdul Ghafar Don	2019	Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam	Google Scholar

			Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli.	
S12.	Nadia binti Ishak dan Kamariah binti Kamarudin	2019	Pendidikan Anak- Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda	Google Scholar
S13.	Rohayati Jonaidi	2019	Pantun Melayu Sarawak Cerminan Sosiobudaya Masyarakat Sarawak	Research Gate
S14.	Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman	2020	Perkembangan pemikiran sastera Islam di Alam Melayu.	Google Scholar
S15.	Muhammad Nur Al- Hakim Mohamad Hanafiah	2020	Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi	Google Scholar

			Novel <i>Tuhan Manusia</i> Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah	
S16.	Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi dan Maizira Abdul Majid	2020	Hubungan Rakyat dan Pemerintahan dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan	Researcrh Gate
S17.	Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian dan Rozita@Radhiah Said	2020	Keberkesanan Penggunaan Frog VLE Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah	Google Scholar

S18.	Mawar Safei dan Tuan Rusmawati Raja Hasan	2020	Daun Sebagai Wahana Komunikasi Dalam Kesusasteraan Melayu	Research Gate
S19.	Elavarassan M. Suppiah dan Nordiana Hamzah	2021	Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Teks Cerpen Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif	Google Scholar

S20.	Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali	2021	Implikasi Elemen Sastera Melayu Terhadap Perkembangan Kognitif Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Rendah	Research Gate
S21.	Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali dan Norawi Kata	2021	Unsur Sastera Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Malahirkan Murid Berfikiran Kritis	Research Gate
S22.	Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah	2022	Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu	Research Gate

S23.	Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi	2022	Kepengarangan Cerpen Remaja Pasca 12 Mei 1969 Antara Nazel Hashim dan Ismail Sarbini: Suatu Perbincangan Dari Sudut Pendidikan Nilai Murni Keberanian Melalui Tema Sejarah	Google Scholar
S24.	Nor Hashimah Jalaluddin	2023	Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik.	Google Scholar
S25.	Ros Anita Kartini dan Abdul Halim Ali	2023	Tajuk E-Book: Isu- Isu Penyelidikan dalam Meningkatkan Pengetahuan dan Kefahaman	Research Gate

			Kanak-Kanak Menerusi Pantun	
S26.	Awang Abdul Muizz  Awang Marusin	2023	Pandangan  Hasyuda Abadi  Terhadap Sastera  yang Membina  Masyarakat  Madani di  Malaysia	Research  Gate
S27.	Farra Humairah Mohd,  Fazilah Husin, Nordiana  Hamzah dan Hasrina  Baharum	2023	Pemikiran  Pendidikan Dalam  Cerpen Kanak-  Kanak Terpilih dan  Kesan Positifnya	Research  Gate

Jadual di atas adalah hasil daripada saringan yang telah dilakukan. Sebanyak 27 artikel sahaja daripada 59 artikel yang memberikan data dan menepati kriteria yang telah ditetapkan dalam menjawab objektif kajian ini. Seterusnya, kesemua kajian-kajian yang dipilih akan dijadikan sokongan dan keterangan kepada objektif kedua kajian ini.

#### **4.3 Kepentingan Kajian Lepas Sastera Terhadap Masyarakat dan Dunia Pendidikan**

Kajian mendapati melalui proses saringan yang telah dijalankan kepada pengumpulan kajian kajian lepas sastera dari tahun 2015 hingga tahun 2023 telah memberikan banyak kepentingannya kepada masyarakat terutamanya. Masyarakat terdiri daripada pelbagai golongan seperti ibu bapa, pelajar, guru, belia, kanak-kanak dan sebagainya. Manakala sastera juga dapat dilihat kepentingannya kepada dunia pendidikan bagi mendidik dan memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak kecil dan remaja dalam melangsungkan sastera kepada bakal generasi muda. Jadual 4.3 di bawah adalah senarai artikel yang telah dikategorikan mengikut kepentingannya kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Jadual tersebut adalah sebagai rujukan dalam membuat analisis untuk menjawab persoalan kajian.

Jadual 4.3: Senarai Kajian Lepas Mengikut Kategori

[O2]		Bilangan Kajian	Kod Artikel
Kepentingan Kajian Lepas Sastera Kepada:	Masyarakat	17	S1, S2, S3, S4, S5, S7, S8, S11, S12, S13, S14, S18, S20, S23, S24, S25 & S26
	Dunia Pendidikan	10	S6, S9, S10, S15, S16, S17, S21, S22, S19 & S27

Hasil yang telah ditemui melalui proses saringan terhadap 27 jenis artikel didapati memberikan data kepada analisis perbincangan di dalam kajian ini. Banyak kajian-kajian lepas yang dilakukan terhadap sastera telah memberikan kepentingan kepada masyarakat dan dunia pendidikan serta membuktikan bahawa sastera boleh membentuk keperibadian seseorang insan dan membantu kepada sistem pendidikan dalam mengeluarkan produk yang intelektual. Sebanyak 17 kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas mengenai sastera telah memberikan kepentingan kepada masyarakat iaitu dari segi pembentukan jati diri dan identiti bangsa serta boleh melahirkan lebih ramai lagi pengkritik sastera malah juga akan melahirkan tokoh-tokoh sastera. Kajian-kajian sastera bukan sahaja memberikan kepentingan kepada masyarakat malah juga kepada dunia pendidikan. Kajian-kajian sastera dikatakan dapat memberikan kepentingan kepada sistem pendidikan adalah kerana dapat membantu melahirkan insan yang intelektual dan membentuk karakter yang berkualiti. Kajian mengenai teknologi juga dapat membantu bakal pengajar untuk menggunakan teknologi terkini supaya dapat menarik minat pelajar mengenai kesusasteraan.

UNIVERSITI  
KELANTAN

#### 4.3.1 Kepentingan Kepada Masyarakat



Rajah 4.3.1: Kepentingan Kajian Sastera Kepada Masyarakat

Masyarakat adalah sekumpulan atau sekelompok manusia yang hidup bersama di dalam sebuah negara atau kawasan yang sama. Ianya terdiri daripada individu, keluarga dan kumpulan yang kecil serta membentuk ideologi dan budaya yang tersendiri. Sastera dan masyarakat sememangnya tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Hal ini adalah kerana, sastera amat berkaitan rapat dengan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu terdahulu. Oleh disebabkan itu, sastera ini memberikan kepentingannya kepada masyarakat terutamanya dalam melahirkan insan yang membentuk jati diri dan menerapkan nilai moral dalam diri mereka. Dengan ini, dapat dilihat melalui 27 artikel lepas yang telah disaring dan dianalisis daripada kajian terhadap sastera ini sememangnya memberikan kepentingan kepada masyarakat. Antara kajian yang mengandungi kepentingan kepada masyarakat adalah sebanyak 17 kajian lepas dari tahun 2015 hingga 2023.

Kajian kepada masyarakat adalah paling banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Hal ini boleh dilihat di dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Fahmi Ismail et al. pada tahun 2015 (S1) dan juga kajian oleh Ani binti Haji Omar pada tahun 2015 (S3). Petikan di bawah adalah petikan yang diambil di dalam kajian oleh Ani binti Haji Omar yang menyatakan sastera ini memberikan pendidikan kepada emosi dan intelek pembaca. Terutamanya dari segi semangat patriotik dan cinta akan bahasa serta budaya sendiri di dalam diri seorang remaja. Jika dilihat golongan remaja sekarang semakin kurang mempunyai sikap patriotik dan cinta akan bahasa. Hal ini disokong oleh pengkaji Rosyidah Muhamad pada tahun 2015 yang telah menyatakan bahawa semangat patriotik dalam kalangan remaja semakin terhakis.

Tidak keterlaluan jika dikatakan sastera berupaya memerikan pendidikan kepada emosi dan intelek pembaca. Sastera digunakan untuk menanam semangat cinta kepada tanah air, menyuburkan semangat patriotik, mengalakkan perkembangan semangat cinta akan bahasa dan kebudayaan sendiri, memperlihatkan keburukan pemerintahan penjajah yang tidak jujur, dan membentuk semangat perpaduan. Dapatlah disimpulkan bahawa, sastera mampu menjana pemikiran masyarakat khususnya remaja ke arah keunggulan berfikiran bagi melahirkan generasi yang seimbang dalam semua aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Selanjutnya kertas kerja ini akan membuat beberapa

#### Petikan 4.3.1: Kajian oleh Ani Binti Haji Omar (S3)

Oleh itu, melihat kepada petikan yang telah diambil daripada kajian sastera yang telah dilakukan oleh Ani binti Haji Omar telah mengatakan bahawa sastera dapat menanam dan mendidik semangat cinta akan tanah air, bahasa dan budaya. Selain daripada itu, kajian oleh Zul Fadli Mohd Kamal et al. pada tahun 2022 (S23) juga telah membuktikan bahawa karya sastera seperti cerpen remaja yang bertemakan sejarah sememangnya dapat membantu dalam memupuk sikap patriotik dalam kalangan remaja. Antaranya seperti nilai keberanian yang didapati di dalam cerpen remaja pasca 13 Mei 1969. Akhir daripada kajian ini telah memberi bukti bahawa pendidikan yang

mengandungi unsur moral berdasarkan kisah sejarah boleh membentuk jati diri remaja pada masa yang akan datang.

Nilai-nilai murni yang banyak ditekankan dalam karya sastera ini telah berupaya memberikan nilai-nilai kemanusiaan yang sangat tinggi yang mana pada keseluruhannya memupuk bersopan-santun dan etika dalam diri seseorang pelajar. Kesantunan bahasa yang mana diolah oleh pengarang dengan menggunakan susunan kata yang penuh tertib, bahasa yang lemah lembut serta indah dibaca mampu memberi kekuatan dalam mempengaruhi para pelajar dalam berkomunikasi dan juga berinteraksi dengan komuniti masyarakat. Penekanan dan pendedahan terhadap nilai tanggungjawab dan amanah yang sangat tinggi dalam Komsas dilihat mampu melentur semangat dan ciri-ciri beretika dalam diri pelajar seperti prima teks cerpen *Cinta Mutawakkil* dan *Gerhana Manusia*.

Petikan 4.3.1: Kajian oleh Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain Binti Ramli

Selain daripada membentuk sikap patriotik, kajian oleh Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain Binti Ramli pada tahun 2015 (S8) juga membuat kajian mengenai sastera yang dapat membina teras identiti bangsa. Masyarakat amatlah berpegang kepada identiti yang tersendiri khususnya masyarakat Melayu yang penuh dengan etika dan sopan santun. Oleh itu, melalui petikan di atas mengatakan sastera ini dapat memupuk sikap kemanusiaan yang tinggi dan penuh beretika dalam diri seseorang. Hal ini dikatakan bahawa para pengkarya sastera yang menggunakan susunan bahasa yang indah dan penuh dengan tertib di dalam karyanya boleh mempengaruhi pembaca untuk berkomunikasi dengan baik dengan masyarakat sekelilingnya. Dengan ini, kesantunan dalam berbahasa boleh membentuk identiti masyarakat Melayu. Kajian lain juga seperti kajian yang dilakukan oleh Norazimah Zakaria et al. pada tahun 2017 (S7) mendapati karya sastera seperti pantun Melayu memberikan nilai adab. Seperti petikan di bawah yang diambil di dalam kajian tersebut juga menyokong bahawa nilai baik yang terkandung di dalam karya sastera juga mampu membentuk identiti orang Melayu yang penuh dengan adab dan sopan santun.

Contohnya, berkaitan dengan nilai adab. Dalam pantun Melayu banyak diujarkan tentang nilai adab yang perlu dipatuhi oleh masyarakat dan wujudnya pengajaran kepada masyarakat sekiranya sesuatu adab itu tidak dipatuhi. Ia mungkin akan dikenakan tekanan sosial oleh masyarakat, agama dan sistem adat itu sendiri. Maka, nilai yang baik dalam pantun Melayu boleh membentuk jati diri orang Melayu untuk menjadi lebih beradab dan baik. Contoh pantun tentang adab:

Petikan 4.3.1: Kajian oleh Norazimah Zakaria et al. (S7)

Tambahan pula, kajian-kajian lepas sastera ini juga boleh melahirkan lebih ramai pengkritik atau tokoh sastera. Pelapis baru pengkritik sastera akan terus berkembang dengan adanya pelbagai kajian mengenai sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat 10 kajian mengenai sastera telah dikumpulkan dari tahun 2015 hingga 2023 yang melakukan satu kritikan atau kajian terhadap karya-karya sastera dengan menggunakan teori sastera. Sebagai contohnya, kajian oleh Nadia Binti Ishak dan Kamariah Binti Kamarudin (S12), Farra Humairah Binti Mohd dan Nik Rafidah (S6), Che Abdullah Che Ya (S4), Amir Asyraff Jamin dan Fatimah Subet (S10), Rohayati Junaidi (S13), Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah (S15), Elavarassan M. Supiah dan Nordiana Hamzah (S19), Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah (S22), Zulfadli Mohd Kamal et al. (S23) dan akhir sekali pengkaji Farra Humairah Mohd et al. (S27). Melihat kepada 10 kajian yang dikumpulkan, ramai pengkaji-pengkaji lepas melakukan kajian mereka dengan meneliti inti pati kandungan dan pemikiran pengkarya yang terdapat di dalam karya-karya sastera dan mengukuhkan lagi kajian mereka dengan mengaitkan pelbagai teori-teori sastera. Berdasarkan kajian-kajian tersebut boleh memberi galakkan kepada pengkaji baru untuk terus membuat kajian dan mengkritik inti pati kandungan yang terdapat di dalam karya-karya sastera tersebut. Sebagai contohnya, kajian oleh Farra Humairah Binti Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi yang membuat kajian

mengenai pemikiran kerohanian yang terdapat di dalam cerpen kanak-kanak. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa cerpen kanak-kanak terdapat nilai-nilai kerohanian melalui watak-watak yang terdapat di dalam cerita tersebut. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi galakan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk melihat nilai-nilai yang lain dalam karya-karya sastera berdasarkan teori-teori sastera. Penggunaan teori sastera juga dapat memberikan bakal penyelidik untuk terus menggunakan dan mengkaji pelbagai teori-teori sastera yang baru untuk digunakan di dalam kajian mereka. Pada masa yang sama juga, teori-teori baru mengenai sastera juga turut berkembang dan sekaligus boleh melahirkan lebih ramai pengkritik dan tokoh sastera.

#### 4.3.2 Kepentingan Kepada Dunia Pendidikan



Rajah 4.3: Kepentingan Kajian Sastera Kepada Dunia Pendidikan

Pendidikan merupakan satu perkara asas yang amat penting dalam hidup masyarakat bagi membentuk pemikiran dan peningkatan kualiti hidup seseorang. Berdasarkan artikel yang telah dikumpulkan terdapat 10 kajian mengenai sastera yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas didapati sastera juga dijadikan sebagai sumber pendidikan kepada pelajar dan masyarakat melalui karya-karya sastera. Dengan itu, tidak dapat dinafikan kesusasteraan boleh dijadikan alat pendidikan bagi membentuk masyarakat yang penuh dengan ilmu dan ketinggian budi. Buktinya, dapat dilihat di dalam kajian yang telah dilakukan oleh Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj. Wahid pada tahun 2018 (S9) yang mengatakan bahawa melalui karya sastera seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Syair Hamzah Fansuri*, *Sulatus Al-Salatin* dan sebagainya lagi dapat membentuk adab dan pengetahuan yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa yang penuh dengan susunan dan tatatertib serta sesuai dengan kehidupan masyarakat dalam penyampaiannya boleh memberikan didikan yang baik kepada masyarakat. Perkara yang dibincangkan boleh dilihat di dalam petikan daripada kajian tersebut di bawah.

Kesusasteraan Melayu mempunyai horizon ilmu yang begitu luas untuk dibuat penelitian lewat karya sasteranya. Tidak ada bidang ilmu yang tidak boleh dibicara dan disampaikan seperti yang terdapat dalam bidang sastera. Justeru itu, bidang dan karya sastera sesungguhnya boleh menjadi wadah dan media untuk mendidik masyarakat sekali gus memasyarakatkan segala bidang dan disiplin ilmu. Apalah lagi kesusasteraan itu sendiri membicarakan tentang keindahan, menyampaikan idea dengan keindahan bahasa, tertib dan lengkok rima yang berrima dan bersesuai dengan jiwa masyarakat yang suka kepada keindahan, kehalusan dan pelbagai rentak irama muzikal kehidupan. Malah, di sebalik peristiwa penting dalam sejarah dunia selalu ada karya besar sastera sebagai pencetus atau katalisnya.

Petikan 4.3.2: Kajian oleh Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj. Wahid (S9)

Selain daripada itu, kesusasteraan dapat membentuk pemikiran dan sahsiah manusia. Hal ini adalah kerana, karya sastera banyak mengandungi unsur-unsur pendidikan dan fikiran seseorang yang membentuk sahsiah diri. Perkara ini boleh dilihat di dalam kajian yang dilakukan oleh Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah pada tahun 2022 (S22) telah membuat kajian

mengenai cerita jenaka Melayu yang terdapat banyak unsur pendidikan. Contohnya seperti cerita yang diberikan di dalam kajian mereka adalah seperti Lebai Malang dan Si Tanggang. Kedua-dua cerita jenaka tersebut dikatakan tidak melangkaui logik akal dan berbentuk lewah tetapi boleh mengajar nilai kemanusiaan dan mendidik masyarakat atau pelajar supaya berfikir sebelum bertindak melakukan sesuatu. Di samping itu, hasil daripada kajian oleh Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali pada tahun 2023 (S25) juga turut menyatakan bahawa genre sastera tradisional berbentuk pantun, syair dan peribahasa yang bersifat ringan boleh dijadikan sebagai medium proses pembelajaran yang mengutamakan murid. Melalui pantun, kanak-kanak dapat mengaplikasikan dan memahami setiap bait baris pantun malah dapat memupuk kognitif kanak-kanak. Dalam pada itu juga, dapat mengasah bakat-bakat muda seperti kanak-kanak dalam membina pantun bahkan dapat meneruskan warisan negara. Oleh itu, tidak dinafikan lagi kajian-kajian berkaitan sastera ini memberi bukti bahawa sastera dapat melahirkan generasi-generasi yang intelektual dan mengasah bakat muda.

Selain daripada itu juga, kajian-kajian sastera ini juga dapat membentuk kualiti peribadi seseorang. Perkara tersebut boleh dilihat daripada kajian yang dilakukan oleh Farra Humairah Mohd et al. pada tahun 2023 (S27) yang juga turut menyokong bahawa cerpen kanak-kanak mengandungi unsur pemikiran berkaitan pendidikan oleh pengarang. Begitu juga, kemasukkan nilai-nilai pengajaran di dalam cerpen kanak-kanak sedikit sebanyak mampu membina karakter pelajar. Oleh itu, pembinaan karakter pelajar yang dibentuk dengan baik dan penuh dengan adab serta pemikiran yang rasional boleh memberikan seseorang kualiti peribadi yang baik. Peribadi seseorang yang berkualiti dapat membina masyarakat yang sejahtera, pemikiran individu aras tinggi, penerapan nilai adab yang tinggi dan sebagainya. Jelaslah bahawa, kajian-kajian sastera ini

boleh membantu para pengkaji untuk melahirkan generasi yang mempunyai peribadi yang berkualiti.

Sementara itu, terdapat juga kajian sastera mengenai penggunaan teknologi sebagai medium pembelajaran di dalam kelas. Teknologi sebagai medium pendidikan sastera dapat dilihat di dalam kajian oleh Azhar Md Sabil et al. pada tahun 2020 (S17) iaitu penggunaan Frog VLE terhadap pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Melalui kajian ini dapat menunjukkan bahawa penggunaan teknologi Frog VLE ini sememangnya dapat membantu kaedah pembelajaran dengan lebih menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi sekarang banyak diberikan pendedahan terhadap teknologi sehingga mereka kurang berminat membaca sesuatu karya sastera di dalam bentuk fizikal. Maka dengan itu, penggunaan teknologi ini sangat membantu dan memudahkan tenaga pengajar untuk menggunakan pelbagai platform digital supaya dapat memupuk minat pelajar mengenai kesusasteraan. Tambahan pula, kecekapan teknologi yang digunakan dapat memberikan pelajar motivasi dalam memupuk minat mereka terhadap bidang sastera. Hal ini adalah kerana, kurangnya pelajar berminat dengan bidang sastera adalah disebabkan pembacaan secara fizikal yang dianggap sudah ketinggalan berbanding penggunaan teknologi yang pelbagai.

Tuntasnya, pelbagai jenis kajian-kajian mengenai kesusasteraan sememangnya membantu kepada dunia pendidikan khususnya kepada bakal tenaga pengajar dalam mengubah kaedah pembelajaran supaya menjadi lebih menarik serta menggunakan pelbagai jenis bentuk karya sastera bagi membentuk insaniah yang berkualiti.

#### **4.4 Dapatan Kajian**

Dapatan daripada kajian SLR dapat dilihat bahawa kajian-kajian sastera ini memberikan kesan kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Tambahan pula, kajian-kajian lepas sastera berkaitan dengan masyarakat adalah paling kerap dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Hal ini selari dengan beberapa kajian yang telah dikumpulkan seperti Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015), Ani Binti Haji Omar (2015), Che Abdullah Che Ya (2015), Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil dan Ghazali Lateh (2015), Norazimah Zakaria et al. (2017), Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain bt Ramli (2017), Ismail Naim Abdullah dan Abdul Ghafar Don (2019), Nadia binti Ishak dan Kamariah binti Kamarudin (2019), Rohayat Jonaidi (2019), Ahmad Nabil Amir dan Tasnim Abdul Rahman (2020), Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali (2021), Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi (2022), Nor Hashimah Jalaluddin (2023), Ros Anita Kartini dan Abdul Halim Ali (2023) dan Awang Abdul Muizz Awang Marusin (2023). Melalui pengkaji-pengkaji tersebut yang telah melaksanakan kajian mengenai sastera sememangnya dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat terutamanya dari segi pembentukan jati diri seorang remaja pada masa kini. Bukan itu sahaja, membentuk insaniah yang intelektual juga dapat dilihat di dalam kajian yang dilakukan oleh Ros Anita Kartini Mohamed dan Abdul Halim Ali pada tahun 2018 yang memberikan bukti bahawa sastera ini boleh membantu masyarakat untuk berfikir dengan lebih kritikal. Hasil dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa pantun dapat membentuk masyarakat terutamanya kanak-kanak dalam peningkatan pengetahuan dan kefahaman mereka sekali gus dapat membentuk sahsiah diri. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen di mana kajian tersebut dijalankan dengan melihat isi kandungan teks yang terdapat di dalam pantun.

Selain daripada kajian tersebut, kajian-kajian lain juga telah menunjukkan kepentingannya dalam melahirkan ramai pengkritik sastera malah tokoh sastera.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini bukan sahaja boleh memberikan kesan positif kepada masyarakat malahan kajian tersebut dapat membantu dunia pendidikan. Perkara ini selaras berkenaan kajian-kajian yang telah dikumpulkan seperti Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil dan Ghazali Lateh (2015), Farra Humairah Binti Mohd dan Nik Rafidah Muhamad Affendi (2016), Norazimah Zakaria et al. (2017), Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj Wahid (2018), Amir Asyraff Jamin dan Fatimah Subet (2019), Nadia binti Ishak dan Kamariah binti Kamarudin (2019), Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2020), Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi dan Maizira Abdul Majid (2020), Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian dan Rozita@Radhiah Said (2020), Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali dan Norawi Kata (2021), Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah (2022), Awang Abdul Muizz Awang Marusin (2023) dan Farra Humairah Mohd, Fazilah Husin, Nordiana Hamzah dan Hasrina Baharum (2023). Salah satu daripada pengkaji tersebut telah melaksanakan kajian terhadap teknologi Frog VLE dan hasil dapatan mengenai kajian tersebut telah menyatakan bahawa penggunaan teknologi membantu kaedah pembelajaran mata pelajaran KOMSAS pada masa kini agar dapat menarik minat pelajar. Kajian ini dapat memberikan keyakinan bahawa penggunaan teknologi dapat membantu melalui sokongan kaedah temu bual yang telah dijalankan telah melibatkan empat orang guru dan lapan orang pelajar. Guru dan pelajar memberikan kesan yang lebih positif dan bersetuju mengenai penggunaan Frog VLE walaupun dapatan awal guru kurang memuaskan.

#### **4.5 Rumusan**

Melihat kepada analisis kajian yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian yang berkaitan dengan sastera yang telah dikumpulkan sememangnya memberikan pelbagai kesan yang tersendiri. Antara kesan yang boleh dilihat adalah melalui kepentingan kajian-kajian sastera yang telah dilakukan oleh para pengkaji di luar sana yang banyak memberikan sumbangan terhadap masyarakat dan dunia pendidikan. Antaranya seperti pembentukan jati diri, membentuk identiti bangsa dan melahirkan lebih ramai pengkritik sastera serta tokoh sastera. Selain masyarakat, kajian-kajian lepas sastera juga boleh membantu dunia pendidikan dalam pengajaran atau pembelajaran karya sastera. Sebagai contoh, beberapa kajian lepas sastera telah membuktikan bahawa penggunaan Frog VLE boleh menarik minat pelajar semasa pembelajaran di dalam kelas. Akhir sekali, kajian lain juga dapat memberikan bukti bahawa kajian-kajian sastera boleh membantu dunia pendidikan dalam melahirkan masyarakat yang berintelektual dan kualiti peribadi seseorang.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan bab yang terakhir bagi kajian ini. Kandungan yang terdapat di dalam bab ini adalah merumuskan keseluruhan perbincangan dan analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji di dalam penyelidikan ini. Tambahan pula, di dalam bab lima ini juga akan memberikan beberapa cadangan yang baik serta implikasi kajian ini kepada orang ramai, pengkaji lain dan juga kerajaan dalam memperkembangkan lagi kajian mengenai sastera dan masyarakat dengan melihat kepada kepentingan kajian-kajian tersebut. Pengkaji diharapkan kajian ini dapat diteruskan oleh bakalbakal pengkaji lain sekaligus dapat menambahkan ruang kosong yang terdapat di dalam kajian ini pada masa yang akan datang. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber maklumat kepada orang ramai dan juga rujukan kepada bakal pengkaji di luar sana.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, hasil analisis dan perbincangan yang terdapat di dalam bab empat telah berjaya menjawab keseluruhan persoalan dan objektif kajian ini. Kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji dengan pengumpulan kajian-kajian lepas sastera dari tahun 2015 hingga 2023 telah membuktikan bahawa kajian-kajian tersebut terdapat kepentingannya kepada masyarakat dan juga kepada dunia pendidikan.

Objektif pertama kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah dengan mengorganisasikan kajian-kajian lepas berkenaan sastera dan masyarakat serta dunia pendidikan menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)* PRISMA. Walaupun penggunaan

kaedah SLR ini agak baru di dalam dunia penyelidikan namun penggunaan kaedah tersebut berjaya digunakan oleh pengkaji. Penggunaan kaedah SLR ini sedikit sebanyak membantu pengkaji terutamanya semasa proses menganalisis keseluruhan teks kajian-kajian lepas yang dikumpulkan bagi mengeluarkan beberapa maklumat untuk dijadikan data kajian. Data yang telah dikutip adalah sebagai bukti sokongan dalam menjawab persoalan kajian yang kedua. Hal ini adalah kerana, terdapat pelbagai jenis kajian-kajian lepas sastera yang telah dilakukan oleh para pengkaji lain dari masa ke semasa. Terutamanya, dapat dilihat banyak kajian mengenai sastera ini telah dilakukan oleh ramai pengkaji-pengkaji mengenai kajian terhadap sastera dalam masyarakat. Malah sehingga sekarang kajian mengenai sastera ini masih dijalankan. Maka dengan itu, objektif kajian pertama yang telah dilakukan dengan mengorganisasikan beberapa kajian berkaitan sastera dikumpulkan dari tahun 2015 hingga 2023 dicapai. Dengan demikian, melalui objektif pertama kajian ini boleh dijadikan sebagai pangkalan data kepada pengkaji lain dan memudahkan bakal penyelidik dalam mencari data atau maklumat berkenaan dengan kajian mereka.

Sehubungan dengan itu, objektif kedua kajian ini adalah pengkaji akan melihat kepada kajian-kajian yang dikumpulkan kepada kepentingannya untuk masyarakat dan khususnya kepada dunia pendidikan. Dapat dilihat bahawa kajian-kajian yang telah dikumpulkan dari tahun 2015 hingga 2023 mempunyai kepentingannya kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan kepentingannya kepada masyarakat. Perkara tersebut dapat dilihat di dalam analisis dan perbincangan kajian ini, di mana kepentingan beberapa kajian yang telah dikumpulkan tersebut kepada masyarakat dapat dijadikan sebagai jati diri dan semangat patriotik. Tambahan pula, beberapa kajian lepas mengenai sastera ini juga menunjukkan kepentingannya dalam membentuk identiti bangsa. Bukan itu sahaja,

terdapat juga kajian lain yang turut berkepentingan dalam melahirkan lebih ramai pengkritik dan tokoh sastera di dalam dunia kesusasteraan.

Selain daripada itu, terdapat juga manfaat kajian sastera yang telah dikumpulkan kepada dunia pendidikan. Antaranya seperti melahirkan generasi intelektual, kualiti peribadi seseorang individu dan penggunaan teknologi dalam pengajaran kesusasteraan. Ketiga-tiga kepentingan dapat dilihat di dalam beberapa kajian-kajian mengenai sastera dan pendidikan. Kepentingan kajian-kajian sastera yang dianalisis adalah berdasarkan penggunaan kaedah SLR yang menyaring keseluruhan maklumat yang terkandung di dalam sumber data sekunder dan di analisis dengan lebih terperinci untuk menjawab persoalan kajian kedua. Dengan berbuat demikian, objektif kedua dicapai dengan baik dan sekaligus memberi keterangan yang jelas bahawa kajian-kajian yang dikutip sememangnya mempunyai kepentingannya kepada masyarakat khususnya kepada dunia pendidikan. Jelaslah bahawa, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain mengandungi keperluan lain selain dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidik atau bakal penyelidik. Oleh itu, melalui kajian ini dapat disimpulkan oleh pengkaji bahawa dapatan kajian dan analisis kajian yang telah didapati telah menjawab kedua-dua objektif kajian ini.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Pada bahagian implikasi kajian pula adalah untuk memberikan penegasan terhadap kesan yang boleh diperolehi melalui analisis dan perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji. Kajian mengenai sastera sudah lagi tidak asing kepada pengkaji-pengkaji lain kerana kerap kali dilakukan oleh mereka. Setiap kajian atau penyelidikan yang dilakukan mempunyai kepentingannya tersendiri kepada pengkaji lain. Bukan sahaja memberikan kepentingan kepada para pengkaji namun juga kepada masyarakat. Analisis dan perbincangan yang terdapat di dalam kajian-kajian

mereka tersebut bukan sahaja menjawab objektif dan persoalan kajian mereka namun isu yang terkandung di dalam kajian tersebut yang boleh memberikan impak kepada pembaca dan terutamanya kepada para penyelidik. Malah juga mampu memberikan kesan kepada dunia pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat isu yang dibincangkan di dalam kajian-kajian mereka adalah mengenai penggunaan teknologi dalam penyampaian karya, analisis terhadap karya-karya sastera seperti puisi, cerpen, pementasan teater dan sebagainya. Tambahan pula, ada juga kajian-kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap karya-karya sastera. Oleh itu, kajian-kajian tersebut mampu memberikan implikasi kepada pengkaji sendiri, masyarakat dan dunia pendidikan.

Implikasi kajian yang mampu memberi kesan kepada pengkaji adalah pengkaedahan kajian yang digunakan dengan melihat kepada kepentingan kajian-kajian tersebut. Walaupun kaedah SLR ini agak baru dan sukar untuk digunakan oleh pengkaji pada permulaannya, namun kaedah tersebut berjaya digunakan serta mampu membantu pengkaji memperoleh data yang cukup banyak sebagai sintesis kajian. Kaedah SLR yang digunakan adalah berdasarkan teknik PRISMA di mana menganalisis kajian-kajian yang diperoleh secara terperinci. Penggunaan kaedah tersebut mampu memberikan pengkaji satu ilmu yang baharu terhadap kaedah penggunaan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Dengan demikian, melalui kajian ini dapat memberikan dan menambahkan ilmu kepada pengkaji bahawa setiap kajian tersebut ada kepentingan yang tersendiri.

Seterusnya, implikasi kajian ini kepada masyarakat pula dapat dilihat melalui analisis dan perbincangan kajian. Masyarakat yang terdiri daripada golongan belia, ibu bapa, ahli karyawan dan sebagainya mampu memberikan kesan kerana setiap kajian-kajian lepas sastera yang

dikumpulkan mengandungi nilai-nilai kepentingan yang tersendiri. Kepentingan tersebut dapat dikeluarkan melalui hasil analisis dan perbincangan yang terdapat di dalam kajian yang telah dikumpulkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat dikatakan bahawa kepentingan kajian-kajian yang telah dikumpulkan pengkaji boleh melahirkan semangat patriotik atau nasionalisme dalam diri masyarakat. Bukan itu sahaja, malah boleh memberikan masyarakat pendedahan mengenai pembentukan jati diri seseorang individu dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat mendedahkan kepada masyarakat berkaitan bahawa kajian-kajian sastera ini mampu membentuk identiti bangsa dan juga melahirkan lebih ramai pengkritik dan tokoh sastera. Lahirnya golongan baru pengkritik sastera dapat dilihat di dalam kajian mengenai analisis teks-teks karya yang telah dilakukan.

Akhir sekali adalah implikasi kajian kepada dunia pendidikan. Dunia pendidikan ini mencakupi keseluruhan aspek khususnya seperti kaedah pembelajaran berkaitan sastera. Melalui kajian ini dapat memberikan tenaga pengajar terutamanya bahawa mereka boleh menggunakan kaedah penggunaan teknologi dalam menyampaikan pembelajaran mereka. Penggunaan teknologi yang dapat dilihat berdasarkan analisis terperinci terhadap kajian-kajian lepas sastera yang dikumpulkan adalah seperti penggunaan Frog VLE di dalam kelas. Penggunaan Frog VLE dapat dilihat oleh pengkaji bahawa proses pembelajaran mengenai karya sastera dapat menarik minat mereka. Tambahan pula, penggunaan buku berbentuk digital juga boleh digunakan supaya pelajar tidak mudah berasa bosan terhadap karya-karya sastera. Hal ini adalah kerana, kebanyakan pelajar tidak berminat untuk membaca malah lebih tertarik kepada persembahan visual.

## **5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian**

Berdasarkan hasil analisis dan perbincangan di dalam kajian ini, terdapat beberapa cadangan oleh pengkaji yang perlu di ambil perhatian dan tindakan yang positif bagi meneruskan kelangsungan kajian ini untuk digunakan pada masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian-kajian sastera ini mengandungi banyak kesan positif kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Penggunaan kaedah SLR juga dapat didedahkan kepada para pengkaji baru supaya meneruskan lagi penggunaan kaedah SLR supaya tidak lagi asing kepada golongan pengkaji akan datang. Oleh disebabkan itu, terdapat beberapa cadangan yang ingin dicadangkan kepada pengkaji.

### **5.4.1 Orang Awam**

Orang awam merupakan masyarakat umum yang terdiri daripada golongan rakyat biasa. Sastera dan masyarakat amat berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam sebuah karya sastera mengandungi gambaran masyarakat dan juga budaya. Oleh sebab itu, terdapat cadangan yang dicadangkan oleh pengkaji dalam meneruskan kelangsungan karya sastera ini kepada orang ramai adalah dengan memberikan pendedahan secara langsung terhadap kanak-kanak kecil mengenai sastera. Sastera terdiri daripada pelbagai jenis dan genre.

Maka dengan itu, pengkaji mengharapkan masyarakat di luar sana memberikan pendedahan kepada generasi baru seperti kanak-kanak kecil kepada genre sastera kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat di dalam kajian ini sastera mampu membentuk jati diri seseorang individu. Jati diri yang unggul seperti sikap menghormati, tanggungjawab, jujur dan sebagainya dapat dibendung ketika pada usia kanak-kanak. Selain daripada itu, melihat daripada pengetahuan masyarakat terhadap kesusteraan pada masa kini kurang memuaskan kerana

terdapat segelintir masyarakat masih lagi memandang enteng terhadap karya sastera. Dengan demikian, diharapkan masyarakat memberi pengiktirafan yang tinggi terhadap karya-karya sastera. Sekiranya masyarakat memberikan pengiktirafan yang tinggi terhadap karya-karya sastera boleh memartabatkan sebuah karya tersebut. Bukan itu sahaja, sastera juga mampu membentuk identiti sebuah bangsa. Natijahnya, dengan pendedahan terhadap karya sastera mampu mengekalkan sastera dalam masyarakat pada masa yang akan datang.

Sekiranya pendedahan tersebut telah dilakukan, karya-karya sastera ini sudah lagi tidak asing kepada masyarakat. Dalam pada itu, segelintir masyarakat akan menjalankan kajian-kajian mereka terhadap karya sastera bagi menilai moral, kepentingan dan sebagainya. Sekali gus, dapat meneruskan kajian-kajian sastera ini dengan penggunaan kaedah yang baru pada masa akan datang terutamanya dalam golongan masyarakat sastera. Pengkaji berharap kajian-kajian sastera ini dapat diteruskan dan diberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai karya sastera.

#### **5.4.2 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Cadangan pengkaji kepada organisasi pendidikan pula adalah penggunaan teknologi yang terkini terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas supaya lebih menarik dan kreatif. Pengkaji dapat melihat di dalam sesetengah kajian lepas sastera yang dikaji menyokong penggunaan teknologi seperti buku audio, buku digital dan Frog VLE sebagai kaedah pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh disebabkan itu, terciptanya pelbagai teknologi yang kian moden, organisasi pendidikan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak boleh terlepas dari penggunaan teknologi yang lebih maju dan canggih. Hal ini adalah kerana, kanak-kanak pada era ini banyak diberikan pendedahan terhadap teknologi. Maka dengan itu KPM perlulah meninggalkan penggunaan kaedah yang sudah lapuk dek zaman dalam pembelajaran sastera.

Penggunaan teknologi dalam kaedah pembelajaran sedikit sebanyak mampu menarik minat mereka dalam mempelajari mata pelajaran sastera seperti KOMSAS. Kebanyakkannya dari mereka tidak berminat untuk membaca oleh itu dengan penggunaan buku digital yang memberikan kesan visual yang menarik mampu memberikan mereka rasa minat terhadap karya sastera. Pengkaji mengharapkan pembelajaran berkenaan sastera ini dapat diteruskan. Perkara ini tercetus kerana pengkaji mendapati semasa proses melakukan penyelidikan ini, terdapat pelbagai kajian lepas sastera mengenai analisis novel, cerpen, puisi dan sebagainya mempunyai pelbagai nilai moral yang mampu membentuk sikap individu dan semangat patriotik dalam diri mereka. Tambahan lagi, semangat patriotik dalam diri pelajar sekarang semakin luntur. Oleh itu, dengan pendedahan kepada karya sastera yang bertemakan patriotik boleh membendung sikap nasionalisme dalam diri mereka.

#### **5.4.3 Pengkaji Lain**

Kajian berkenaan mengenal pasti kepentingan kajian-kajian lepas sastera kepada masyarakat dan dunia pendidikan perlulah diteruskan oleh para pengkaji pada masa yang datang melalui skop kajian atau batasan yang lebih berbeza. Hal ini adalah kerana masih terdapat banyak perkara yang perlu dilihat pada kajian-kajian lepas sastera yang telah dikumpulkan. Oleh itu, pengkaji memberikan cadangan untuk meneruskan kajian ini dengan mengenal pasti dari aspek lain seperti melihat kepada fungsi kajian atau menganalisis pemikiran pengkarya-pengkarya sastera melalui kajian-kajian lepas dengan menggunakan kaedah yang sama atau berbeza. Hal ini adalah kerana, terdapat pelbagai kajian-kajian sastera berkenaan pemikiran pengkarya dalam menghasilkan karya beliau. Maka dengan itu boleh dilihat pengaruh pemikiran para pengkarya lain dalam membina karya-karya mereka. Kebanyakan idea yang disampaikan oleh pengarang adalah amat berkait

dengan keadaan sekeliling atau persekitarannya. Dengan itu, pengkaji berharap kajian ini dapat diteruskan atau dimurnikan lagi dengan lebih baik oleh para pengkaji lain.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan untuk meneruskan penggunaan kaedah SLR ini oleh pengkaji lain agar kaedah itu sudah tidak asing lagi kepada bakal penyelidik lain. Kaedah ini banyak membantu pengkaji ini dalam mendapatkan data dan maklumat dalam menjawab objektif dan persoalan kajian. Tambahan pula, kaedah ini dapat membuka fikiran pengkaji agar membuat kajian secara lebih meluas dan pada masa yang sama dapat memberikan pendedahan kepada bakal pengkaji terhadap pelbagai jenis kajian-kajian sastera lain yang telah dilakukan oleh pengkaji di luar sana.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **5.5 Kesimpulan**

Keseluruhan daripada kajian ini diharapkan memberikan sumbangan yang banyak kepada masyarakat dan dunia pendidikan. Di samping itu, pengkaji berharap kajian ini juga dapat dijadikan sebagai pangkalan data kepada para pengkaji lain bagi memudahkan mereka dalam mencari maklumat dan data kepada analisis kajian mereka. Hal ini adalah kerana salah satu tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk dijadikan sumber pangkalan data kepada bakal pengkaji. Selain daripada itu juga, pengkaji berharap kajian yang telah dihasilkan mampu memberikan manfaat kepada setiap individu, pihak berkepentingan dan orang ramai. Kajian-kajian lepas sastera juga perlulah dikaji untuk mendapatkan maklumat atau melihat kepada kepentingan kajian tersebut dilakukan. Hal ini adalah kerana setiap kajian yang dilakukan bukan hanya sekadar kajian biasa yang tidak mempunyai sebarang manfaat. Kajian tersebut mengandungi makna yang tersirat dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bidang sastera. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan agar dapat membuka mata masyarakat khususnya kepada para pengkaji atau bakal pengkaji akan datang bahawa terdapat banyak kajian-kajian sastera ini mengandungi maklumat yang boleh dijadikan data serta mengandungi manfaatnya. Tidak sewajarnya kita sebagai pengkaji hanya memberi fokus kepada kajian kepada teks sastera dan hanya melihat kepada skop yang kecil sahaja. Maka dengan itu, kajian ini dapat memberikan idea kepada pengkaji dalam mencari tajuk kajian mereka dan mengajar kita sebagai pengkaji supaya dapat menerima pendapat pengkaji lain melalui kajian yang dilakukan oleh mereka.

## Rujukan

- Abdul Wahab Ali. (2004). Kesusasteraan Melayu moden dalam kajian dan kritikan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(1), 109-123.
- Abdul Hakim Abdullah, Mohd Taufiq Abd Talib & Azhar Yaacob. (2015). Kupasan lanjut terhadap konsep dan peranan pendekatan sastera Islam moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9(1), 171-180.
- Ahmad Nabil & Tasnim Abdul Rahman. (2020). Perkembangan pemikiran sastera Islam di alam Melayu. *Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 155-168.
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah pemikiran sastera Islam. *Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*, 5(1), 165-180.
- Amir Asyraff Jamin & Fatimah Subet. (2019). Karya Indie: Sastera kontemporari bernilai pendidikan. *Seminar Pedagogi dan Inovasi Kebangsaan*, 1-16.
- Analisa Hamdan, et.al. (2021) The acceptance of M-Heutagogical practice in higher education: A systematic literature review. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 16 (22), 87-98.
- Ani Haji Omar. (2015). Nilai murni dalam sastera remaja memupuk kecintaan terhadap negara. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3(1), 128-152.
- Ani Haji Omar. (2014). Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berdasarkan falsafah pendidikan negara. *PENDETA*, 5(1), 1-22.
- Asyraf Jamin & Mary Fatimah Subet. (2021). Realisme ekonomi masyarakat Malaysia dalam karya indie. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 11-25.
- Awang Abdul Muizz Awang Marusin. (2023). Pandangan Hasyuda Abadi terhadap sastera yang membina masyarakat madani di Malaysia. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Peradaban Wilayah Timur Laut*, 527-537.
- Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Rozita@Radhiah Said. (2020). Keberkesanan penggunaan Frog VLE terhadap pengajaran dan pembelajaran komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 50-55.
- Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain Binti Ramli. (2017). Sastera Melayu membina teras identiti bangsa. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 5(1), 1-25.
- Azizah Arsyad & Dahlia Janan. (2022). Sorotan literatur bersistematisik: Kesan kaedah mengajar bacaan ekstensif terhadap tabiat membaca. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 7(8), 1-18.

Baharudin & Nordiana Hamzah. (2021). Nilai adab kepada Allah dalam novel nggusu waru. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Idris, 74-80.

Chew Fong Peng. (2008). Persepsi khalayak terhadap isu-isu pendidikan sastera perpaduan. *Sari (ATMA)*, 26 (1), 3-25.

Chew Fong Peng. (2006). Pembentukan negara bangsa melalui pendidikan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17 (1), 136-168.

Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis novel Kawin-Kawin. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 461-476.

*Dewan Bahasa dan Pustaka*. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa Pustaka.

Dilah Tuah. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensi kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153-168.

Elavarassan M. Supiah & Nordiana Hamzah. (2021). Analisis elemen menjada minda falsafah pendidikan kesusasteraan Melayu dalam teks cerpen moden kesusasteraan Melayu komunikatif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11(2), 450-455.

Faraha Hamidi. (2022). Peranan dan cabaran ejen persuaratan dalam pengantarabangsaan sastera kontemporari Melayu. *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1), 181-203.

Farra Humairah Binti Mohd & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7(1), 35-51.

Farra Humairah Mohd, Fazilah Husin, Nordiana Hamzah & Hasrina Baharum. (2023). Pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak terpilih dan kesan positifnya. *Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*, 1(1), 265-272.

Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Hj. Wahid. (2018). Pendidikan sastera Melayu memperkuuhkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13(1), 1-14.

Florina Jumil & Norjetta Julita Taisin. (2017). Nilai pendidikan dalam tangon-tangon masyarakat Kadazandusun. *PENDETA*, 8(1), 36-47.

Ghazali Zainuddin, Mohd Shahrul Nizam Danuri, Adnan Mat Ali, Mohammad Imran Ahmad, Nor Effendy Ahmad Sokri, Mohammad Najib Jaffar, Siti Rosilawati Ramlan, Khairu Barieyah Anshar, Irwan Mahazir Ismai & Harwati Hashim. (2019). A systematic literature review on massive open online course (MOOC) for language learning. *Scientific Research Publishing*, 10(1), 3195-3204.

Hashim Ismail. (2017). Sastera nasional: Antara sastera Inggeris dan sastera Melayu. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 178-187.

Hasrina Baharum. (2015). Landskap sebagai mekanisme pertahanan diri berdasarkan karya sastera Melayu tradisional. *Journal of Malay Language, Education, and Literature*, 6(1), 244-259.

Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah. (2022). Tujuan dan fungsi dalam konteks kesusasteraan rakyat dan cerita jenaka Melayu. *Ideology Journal*, 7(2), 146-153.

Ismail Naim Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2019). Kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. *Journal of Islamic Dakwah*, 11(2), 20-36.

Madiawati Mustaffa, Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Maizira Abdul Majid. (2020). Hubungan rakyat dan pemerintahan dalam tradisi lisan dari perspektif kepimpinan. *Akademika*, 90(3), 117-128.

Mawar Safei & Tuan Rusmawati Raja Hasan. (2020). Daun sebagai wahana komunikasi dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 157-175.

Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2016). Pemikiran dalam novel sebalik Yamashitan dan Percivel. *Proceedings of the ICECRS*, 101-112.

Mohamed Nazreen Shahrul Hamid, Rohaya Md Ali & Phat Awang Deng. (2021). Karya sastera sebagai produk budaya: Definisi konsep, penghasilan dan cabaran. *E-Proceedings of Extended Abstracts The 1st International Symposium on Cultural Heritage (ISyCH)*, 19-24.

Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 17-25.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita rakyat Melayu: Masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3(1), 91-100.

Mohd Shahrizal Nasir & Rahmah Ahmad Osman. (2014). Sastera sebagai sumber ilmu: Satu tinjauan terhadap sorotan pengertian al-adab. *Universiti Islam Sultan Sharif Ali International Refereed Journal*, 1(1), 1-29.

Muhamad Aniq bin Azlan & Mohd Syunaidi Abu Bakar. (2019). Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. *Forum Komunikasi*, 14(2), 91-115.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Sastera rakyat sebagai medium didaktik kepada golongan desa. *Akademika*, 92(2), 153-168.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor dan kesan murtad masyarakat Melayu menerusi novel Tuhan Manusia karya Faisal Tehrani: Satu penelitian takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 190-204.

Madiawati Mamat@Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Norhamizah Hashim & Nur Asyirah Hazari. (2021). Buku audio sastera sebagai alternatif pembacaan karya sastera dalam era digital. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 15–28.

Madiawati Mamat@Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid. (2020). Hubungan rakyat dan pemerintah dalam tradisi lisan dari perspektif kepimpinan. *Akademika*, 9(3), 117–128.

Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution & M.Husnam Lubis. (2020). Cerita rakyat Melayu sumatra utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1-12.

Minah Sintian, Julita @ Norjetta Taisin & Robe'ah Yusuf. (2016). Kecelaruan emosi watak ibu bapa dalam cerita rakyat Kadazandusun. *E-Proceeding International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*, 1-19.

Mohamad Rozi bin Kasim. (2020). Kepentingan variasi fonologi kata pinjam bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang asli Jakun kepada kajian linguistik Melayu: Analisis fonologi atur rumus. *Jurnal Bahasa*. 20(1), 30-41.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, (2015). Keintelektual pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara: Penelitian awal berdasarkan perspektif pendekatan pengurusan. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 1-16.

Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Rohizani Yaakub & Anida Sarudin. (2020). Kewajaran penggunaan produksi teater dalam pembelajaran genre drama melalui mata pelajaran kesusasteraan Melayu komunikatif. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10(1), 26-32.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar. (2020). Interpretasi resepsi sastera menerusi lirik lagu Tolong Ingatkan Aku. *TENIAT*, 8(2), 35-53.

Mohd Firdaus bin Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). Penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu: Satu penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak. *Jurnal Melayu*, 20(1), 79-92.

Mohd Kasri Saidon. (2019). Penelitian potensi kajian lanjut sejarah tentang gerakan awal tentera Jepun ke Kedah (Tanah Melayu) dan Sumatera, Indonesia dari novel Aku Tidak Minta karya Abdullah Hussain. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 88-96.

Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3 (1), 106-121.

Mohd Moshiur Rahman, Mohd Mahbubul alam Joarder & Naushin Nowher. (2022). A comprehensive systematic literature review on traffic flow prediction. *Systematic Literature Review and Meta-Analysis Journal*, 3(3), 87-98.

Mohd Rohiman Subri & Rohinazi Yaakub. (2021). Pengetahuan pedagogi guru cemerlang bahasa Melayu dalam pengajaran komponen sastera: Satu kajian kes. *Asian People Journal*, 4(1), 50-64.

Monica Liaw Kah Pei & Mary Fatimah Subet. (2017). Gambaran budaya masyarakat Cina dalam sajak: Satu analisis teori relevans. Final Year Project Report, Universiti Malaysia Sarawak, 1-261.

Muhammad Aniq bin Azlan & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2019). Persepsi dan motivasi khalayak untuk membaca karya sastera dalam akhbar bercetak. *Forum Komunikasi*, 14(1), 1–25.

Muhammad Syazany Bin Shuhaimi. (2019). Perisian pengurusan aliran kerja penyediaan dokumen program pengajian. Final Year Project Report, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-91.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2020). Faktor dan kesan murtad masyarakat Melayu menerusi novel tuhan manusia karya Faisal Tehrani: Satu penelitian takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 189-204.

Muhaymin Hakim Abdullah, Lutfan Jaes, Mohd Zulfadli Rozali, Nurizyani Azhar, Yuslizar Kamaruddin & Asyraf Maula. (2022) Analisis tinjauan literatur sistematisik (SLR): Elemen humanisme dalam sistem pendidikan. *Human Sustainability Procedia*, 2(2), 57-67.

Muhaymin Hakim Abdullah, Lutfan Jaes, Riki Rahman & Siti Sarawati Johar. (2022). Elemen pengukuhan etika digital berdasarkan analisis tinjauan literatur sistematisik. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 3(2), 9-19.

Mukhlis Abu Bakar, Sa'eda Buang, Kartini Anwar & Kamsiah Abdullah. (2011). Menekuni pengkajian bahasa, sastera dan budaya demi pelestarian pengajaran Melayu. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3 (1), 1-6.

Mu Tian, Ping Deng, Yingying Zhang & Maria Paz Salmador. (2018). How does culture influence innovation? A systematic siterature review. *Management Decision* 56(5), 1088-1107.

Nadia Binti Ishak & Kamariah Binti Kamarudin. (2019). Pendidikan anak-anak menerusi surah Luqman dalam novel Ayahanda. *Jurnal Pusat Penataran ilmu & Bahasa*, 30(1), 103-129.

Nadiyah Hashim, Jamalia Aurani, Noor Azura Zainuddin, Solihah Haji Yahya Zikri & Zuraimy Ali. (2022). Sumbangan novel patuh syariah dalam membina masyarakat sejahtera. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 420-429.

Neuman, W. Lawrence. (2011). Qualitative and Quantitative Approaches. Social Research Methods.

Nik Norimah Tuan Mat, Noor Eliza Abd Rahman & Azman Che Mat. (2023). Penelitian literatur terhadap penerapan teori relevans untuk menangani makna figuratif dalam karya sastera terjemahan Arab-Melayu dan karya sastera Melayu. *BITARA*, 6(1), 1-31.

Nirhoshan Vharmhan Nair. (2023). Adat istiadat kesultanan Melayu Kelantan dalam teks syair kesultanan Melayu Kelantan: Satu penelitian dokumentasi. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Noor Hazwany Haji Arifin & Salmah Jan Noor Muhammad. (2015). Persepsi masyarakat terhadap sastera siber. Final Year Project Thesis, Universiti Putra Malaysia, 1-108.

Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abdul Aziz & Norazilah Buhari. (2022). Warisan budaya Melayu dalam novel “Kasyaf Ain”. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 145160.

Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutualib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Shah*, 4(2), 89-97.

Norazimah Zakaria. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 90-97.

Norazimah Zakaria. (2014). Peranan pengarang tradisi dalam melahirkan masyarakat pemikir. *Social and Behavioral Sciences*, 134(1), 259-269.

Norazimah Zakaria. (2013). Hikayat Melayu@sejarah Melayu long version versi Tengku Said: Satu kajian kes sastera sejarah. *Jurnal Melayu Sedunia* 5(1), 36-48.

Norfarhana Ahmad Ghafar. (2018). Kajian teori medan makna dalam kalangan sarjana-sarjana Islam. *International Journal of Islamic Studies*, 4(2), 24-35.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2023). Elemen bahasa, budaya, dan persekitaran dalam ekolinguistik. *Jurnal Bahasa, Sastera, dan Budaya*, 2(1), 1-21.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian dan perekayasaan bahasa: Mendakap khazanah menenun inovasi. *Seminar Linguistik Kebangsaan*, 1(1), 1-14.

Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd Zariat Abdul Rani & Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan persuratan baru: Satu pengamatan kritis tentang sambutan kesarjanaan. *Journals PERTANIKA*, 29(2), 1449-1468.

Nur Anis Fadzil & Anis Syahirah Abdul Sukur. (2020). Strategi penterjemahan kata tabu dalam novel The Catcher in The Rye. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 70-84.

Nurain Khoo Kian Hua & Sim Chee Cheang. (2019). Satu penelitian struktualis terhadap sastera indie terpilih. *Jurnal Gendang Alam* 1(1), 110-130.

Nurul Azira Sapian & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu: Kajian literatur sistematisik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(8), 2-16.

- Rohayati Junaidi, Madiawati Mamat@Mustaffa, Nur Faaizah Md Adam & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2023). Engkaulah adiwiraku sebagai saluran informasi COVID-19 berdasarkan model komunikasi SCMR berlo. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 441-458.
- Rohayati Junaidi, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nordiana Hamzah & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2021). Nilai-nilai masyarakat Melayu dalam novel Seorang Tua Di Kaki Gunung. *Persidangan Antarabangsa Historiografi Melayu Ketiga*, 1(1), 63-77.
- Rohayati Junaidi. (2019). Pantun Melayu Sarawak cerminan sosiobudaya masyarakat Sarawak. Tesis Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1-26.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Bin Mohd Nathir dan Mohamad Yazid Bin Abdul Majid. (2023). Kepentingan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), 1-15,
- Ros Anita Kartini & Abdul Halim Ali. (2023). Tajuk e-buku: Isu-isu penyelidikan dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kanak-kanak menerusi pantun. *Isu-Isu Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial di Malaysia*, 1(1), 1-137.
- Ros Anita Kartini Mohamed & Abdul Halim Ali. (2022). Memahami konsep saintifik sains KSSR menggunakan elemen sastera Melayu. *Proceeding International Conference on Indigenous Studies and Teaching*, 1(1), 1-10.
- Ros Anita Kartini & Abdul Halim Ali. (2021). Implikasi elemen sastera Melayu terhadap perkembangan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan*, 3(4), 116-126.
- Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali & Norawi Kata. (2021). Unsur sastera Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah melahirkan murid berfikiran kritis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 540-550.
- Safwan Razali & Zubir Idris. (2018). Gambaran masyarakat Melayu tradisional dalam syair Putera mahkota. *Jurnal Melayu*, 17(2), 225-240.
- Samruhaizad Samian @ Samion & Azahan Awang. (2017). Pendidikan sebagai komponen kualiti hidup masyarakat pinggir bandar. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1), 267-280.
- Shafa'Atussara Silahudin. (2021). Sastera lisan memperkasa bahasa Minangkabau menerusi lagu dan persembahan kebudayaan di Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(1), 110.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-10.

- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh & Nurul Faidzah Ab. Hadi. (2014). Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 59-64.
- Siti Normala Hamzah, Mohammad Saleeh Rahamad & Md Azalanshah Md Syed. (2020). Rasuah dan salah guna kuasa protes sosial Rahim Razali dalam matinya seorang patriot. *Forum Komunikasi*, 15(2), 25-50.
- Siti Rosilawati Ramlan, Ghazali Zainuddin, Noor Azli Mohamed Masrop, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Muhammad Sabri Sahrir. (2018). Gamifikasi untuk pembelajaran bahasa: Satu tinjauan literatur sistematik. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 1(1) 1258-1264.
- Slyvester Jua & Norazimah Zakaria. (2023) Keberkesanan strategi pengajaran timbal balik terhadap kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif sastera di sekolah menengah. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(2), 1-16.
- Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Ungku Maimunah, M. T. (2006). Pemahaman dan penerapan sosiologi sastera dalam sastera Melayu moden. *Akademika*, 69(1), 3–16.
- Wan Azura Wan Ahmad. (2022). Membudayakan norma baharu melalui penghayatan nilai retorik dan psikologi dalam peribahasa Melayu dan Arab. *USIM PRESS dan PKAUSIM*, 1(1), 1-11.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI): Systematic review of 21st century teaching among Islamic education teachers. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103-113.
- Wondimagegn Mengist, Teshome Soromessa & Gudina Legese. (2020). Method for conducting systematic literature review and meta-analysis for environmental science research. *MethodsX Journal*, 7(1), 2-11.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112.
- Zahida Atiqah Abdul Wahab, Naizatul Nazira binti Abdul Aziz, Nur Arfadina binti Sukr, Nor Izzah binti A. Wahab, Nor Ayuni binti M. Aris & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2022). Nilai sosial dalam novel Srengenge melalui teori sosiologi sastera: Pendekatan sosiologi. *EProceeding Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Dunia*, 57-65.
- Zamri Rajab. (2016). Shahid Al-Quran dalam karya tatabahasa Arab: Satu sorotan literatur secara sistematis. *Journal of Nusantara Studies* 1(1), 18-33.

Zul Fadli Mohd Kamal, Muammar Ghaddafi Hanfiah & Shaiful Bahri Md Radzi. (2022). Kepengarangan cerpen remaja pasca 12 Mei 1969 antara Nazel Hashim dan Ismail Sarbini: Suatu perbincangan dari sudut pendidikan nilai murni keberanian melalui tema sejarah. *Jurnal Tuah*, 3(1), 121-130.

Zulkarnain Mohamed. (2011). Pendekatan ta'amul-taklif dalam kajian sastera. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 29(1), 137-152.

Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 121-129.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN